



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38

SUBUH 4.48 SYURUK 6.06

DUHA 6.28

ZUHUR 12.08

ASAR

3.24

MAGHRIB 6.08

ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 123

12 OKTOBER 2024 / 1446

نیج الآخر

8

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN  
"ORANG-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Taubah, ayat 18.

## BERKENAN HADIRI MAJLIS PENUTUP SIDANG KEMUNCAK ASEAN



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan Pengerusi ASEAN kepada Malaysia, yang berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3).

Memperluaskan peluang kerjasama perdagangan, pelaburan

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AECC) Ke-24 yang diadakan di Vientiane, Lao PDR, baru-baru ini.

Mesyuarat AECC Ke-24 dipengerusikan oleh Menteri Perindustrian dan Perdagangan, Lao PDR, Tuan Yang Terutama Malaithong Kommasith dan dihadiri oleh Menteri AECC dari 10 Negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste, sebagai pemerhati.

Pada Mesyuarat AECC Ke-24, para menteri membincangkan dan mengkaji kemajuan di bawah teras Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

>> Muka 15

## Diplomasi pertahanan memperkuuh keselamatan serantau

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menekankan kepentingan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pemimpin untuk menghadapi cabaran keselamatan yang

semakin kompleks.

Yang Berhormat seterusnya dalam ucapannya pada Majlis Penutup Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) melahirkan rasa berbangga dengan pencapaian peningkatan Purata Nilai Gred Kumulatif (cGPA) Kohort 14.

>> Muka 13

## Titik beratkan amalan kelestarian dalam sistem penjagaan kesihatan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Khamis, 10 Oktober. - Perubahan iklim adalah salah satu ancaman kesihatan yang terbesar di seluruh dunia.

Di antara tahun 2030 sehingga 2050, perubahan iklim dijangka akan menyumbang kepada kira-kira 250,000 kematian tambahan setiap tahun iaitu kematian akibat kesan negatif daripada perubahan iklim

seperti penyebaran penyakit pembawaan vektor seperti malaria dan dengi; peningkatan gelombang panas berbahaya yang boleh menyebabkan dehidrasi dan heatstroke, diarrhea akibat kekurangan air yang bersih; kekurangan zat makanan disebabkan hasil pertanian yang menurun; dan peningkatan kesihatan mental.

>> Muka 14



## Berita Utama



PENAMBAHBAIKAN laluan Jambatan Kampung Setia 'A'

Muka 16



MAJLIS Menyertu Bangunan Masjid Baharu Kampung Junjongan


Muka 20



MENGUKUHKAN kesepadan, kerjasama Negara Anggota ASEAN, AIPA

Muka 25





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda melalui video pada Majlis Pelancaran Video Kurnia Sabda sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong pada Selasa, 8 Oktober 2024.

## Penyalahgunaan dadah mencetuskan pelbagai anasir jenayah

**P**ENYALAHGUNAAN dadah adalah salah satu isu sosial yang agak membimbangkan dan ianya boleh memberikan impak yang negatif kepada masyarakat sejagat.

Penyalahgunaan dadah boleh mencetuskan pelbagai anasir jenayah seperti isu-isu sosial, kesihatan, jenayah dan sebagainya. Sehingga boleh menjelaskan ketenteraman dan keselamatan masyarakat dan seterusnya, ianya juga boleh menjelaskan masa depan anak-anak muda kita ke arah yang tidak dihasratkan seperti, daripada kemahanuan untuk berekreasi kepada ketagihan dadah.

Oleh itu, kita haruslah memastikan anak-anak muda kita sekarang mempunyai platform untuk mampu menahan atau mengelakkan diri mereka daripada anasir persekitaran penyalahgunaan dadah dan seterusnya memberikan persekitaran yang lebih positif kepada kehidupan mereka, seperti memiliki gaya hidup yang sihat dan positif.

"**PENYALAHGUNAAN** dadah boleh mencetuskan pelbagai anasir jenayah seperti isu-isu sosial, kesihatan, jenayah dan sebagainya. Sehingga boleh menjelaskan ketenteraman dan keselamatan masyarakat dan seterusnya, ianya juga boleh menjelaskan masa depan anak-anak muda kita ke arah yang tidak dihasratkan seperti, daripada kemahanuan untuk berekreasi kepada ketagihan dadah".

Meskipun membanteras jenayah penyalahgunaan dadah adalah salah satu agenda terpenting di peringkat nasional dan ianya tidak boleh dilakukan secara silo, malah ianya adalah tanggungjawab seluruh kita bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat, sihat dan cerah.

Kita haruslah menangani isu ini secara sepadu. Bersama-sama kita boleh menyediakan sokongan dan peluang yang sangat diperlukan untuk anak-anak muda kita bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat, sihat dan cerah.

## Keputusan permohonan TVET Sesi Akademik 2024 / 2025, 10 Oktober

Siaran Akbar :  
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN,  
Rabu, 9 Oktober. - Kementerian  
Pendidikan memaklumkan  
bahawa keputusan permohonan

Skim Pendidikan dan Latihan  
Teknikal dan Vokasional  
(TVET) bagi Sesi Akademik 2024 /  
2025 telah dikeluarkan pada  
Khamis, 10 Oktober  
2024.  
Pemohon-pemohon Skim TVET

Sesi Akademik  
bolehlah  
keputusan  
mereka dengan  
laman  
Kementerian  
Pendidikan di  
[www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn).

2024 / 2025  
mendapatkan  
permohonan  
melayari  
sesawang  
Pendidikan di

Bagi sebarang pertanyaan  
lanjut mengenai perkara  
ini bolehlah menghubungi  
Jabatan Pengurusan Biasiswa,  
Kementerian Pendidikan  
menerusi Nombor Telefon  
Pejabat +673 2380019

(Isnin hingga Khamis dan  
Sabtu) dari pukul 7.45  
pagi hingga 12.15 tengah  
hari dan 1.30 petang  
hingga 4.30 petang  
atau e-mel ke  
[scholarship@moe.gov.bn](mailto:scholarship@moe.gov.bn).

## WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	SABTU	8	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	AHAD	9	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
14	ISNIN	10	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16
15	SELASA	11	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
16	RABU	12	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
17	KHAMIS	13	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.15
18	JUMAAT	14	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 °C 25 °C Pekan Bangar	32 °C 26 °C Pekan Tutong	31 °C 25 °C Kuala Belait
31 °C 25 °C Kuala Belait	32 °C 24 °C 31 °C 25 °C 31 °C 25 °C	31 °C 25 °C 30 °C 25 °C 30 °C 25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
	www.met.gov.bn	

## SIDANG PENGARANG

12 OKTOBER 2024

### Memupuk kesejahteraan mental di tempat kerja

**S**EBAGAI individu yang bekerja, sebahagian besar masa kita dihabiskan di tempat kerja. Oleh itu, penting untuk mengambil kira bagaimana pekerjaan boleh mempengaruhi kesihatan mental kita. Namun, kerja juga boleh menjadi punca tekanan. Walaupun ada tekanan yang boleh memberikan manfaat tetapi tekanan yang berlebihan juga boleh menjelaskan kesihatan mental kita. Ini boleh menyebabkan keletihan melampau, kebimbangan serta kemurungan.

Hari Kesihatan Mental Sedunia disambut di seluruh dunia pada setiap 10 Oktober sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan mental dan menggalakkan perbincangan terbuka tentang kesihatan mental serta mengurangkan stigma dalam kalangan masyarakat.

Tema Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini ialah 'Sudah Tiba Masanya Untuk Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja'.

Tema berkenaan jelas menyerlahkan kepentingan kesihatan mental di tempat kerja kerana persekitaran kerja yang selamat dan sihat boleh bertindak sebagai faktor perlindungan untuk kesihatan mental.

Kedaan yang tidak sihat termasuk stigma, diskriminasi dan pendedahan kepada risiko seperti gangguan di tempat kerja mampu menjelaskan kesihatan mental, kualiti hidup secara keseluruhan dan mengakibatkan kurang penyertaan atau produktiviti di tempat kerja.

"Masalah-masalah seperti buli, gangguan seksual, tekanan berlebihan atau tidak wajar di tempat kerja, ketidakseimbangan pekerjaan dan kehidupan ataupun *poor work-life balance*, gaji yang tidak dibayar atau lambat dibayar termasuk gaji lebih masa, pilih kasih, masalah dihubungi di luar waktu kerja, kerja yang tidak sesuai dengan kebolehan dan kekurangan peluang untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran, adalah sebahagian daripada masalah-masalah yang boleh menyumbang kepada *burnout* dan masalah kesihatan mental," tegas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024.

Jelas Yang Berhormat lagi, akibat *burnout* dan masalah kesihatan mental yang tidak dibendung boleh membawa kepada kekurangan produktiviti kerja termasuk tidak hadir kerja, kerap cuti sakit atau berhenti kerja.

Justeru, jika awda mengalami perubahan emosi yang mengganggu kehidupan sehari-hari, itu adalah tanda untuk awda mendapatkan sokongan. Berbual dengan rakan, keluarga, atau mendapatkan nasihat daripada kaunselor boleh memberikan perubahan yang besar kepada kehidupan awda.

Walaupun kita tidak dapat memilih dengan siapa kita bekerja tetapi dengan persekitaran yang sihat serta pergaulan baik dengan majikan boleh memberi kesan positif kepada kesihatan mental kita. Selain itu, mencari rakan sekerja yang boleh dipercayai untuk berkongsi perasaan tentang kerja boleh menjadikan cabaran harian lebih mudah dihadapi. – Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT TINGGALKAN VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak meninggalkan Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao setelah selesai menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman**

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Jumaat, 11 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak meninggalkan Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao setelah selesai menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak meninggalkan Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao setelah selesai menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak

Berkaitan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa

Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay bagi menyembahkan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Linkham Douangsavanh.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Haji Roslan bin Haji Yaacob.

## Berkenan hadiri Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN



**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Jumaat, 11 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat menghadiri Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan

Pengerusi ASEAN kepada Malaysia, yang berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Penutup Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan Pengerusi ASEAN kepada Malaysia dimulakan dengan Ucapan Penutup daripada Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone selaku Pengerusi ASEAN di mana Tuan Yang Terutama melahirkan penghargaan kepada semua

pemimpin yang menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

TYT seterusnya menyerahkan kedudukannya sebagai Pengerusi ASEAN kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim melalui penyerahan Gavel Pengerusi ASEAN sebagai penyerahan simbolik kepada Malaysia yang akan menjadi Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2025.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa menyampaikan ucapan, antara lainnya, menzahirkan penghargaan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pemimpin ASEAN yang paling senior dan unggul.

Yang Amat Berhormat juga menekankan mengenai isu-isu

yang akan diutamakan oleh Malaysia pada tahun 2025 selaku Pengerusi ASEAN di bawah tema 'Inclusivity and Sustainability'.

Majlis diikuti dengan persembahan sebuah tayangan video dari Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025.



**PERDANA Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone menyerahkan Gavel Pengerusi ASEAN kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai penyerahan simbolik kepada Malaysia yang akan menjadi Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2025.**

# NBD KOMITED MEMELIHARA ALAM SEKITAR MELALUI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman**

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Jumaat, 11 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menggariskan komitmen kukuh Jepun terhadap keselamatan tenaga dan pertumbuhan mampan di rantau Asia Pasifik melalui usaha-usaha pengurangan karbon yang memajukan.

Dalam hal ini, NBD menggalu-alukan strategi Jepun, *one goal, various pathway* ke arah mempercepatkan pelepasan sifar, yang mengiktiraf keadaan unik setiap negara dalam AZEC dan tahap kemajuan masing-masing dalam

peralihan tenaga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Asia Zero Emissions Community Ke-2 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan lebih 60 peratus tanah di Brunei diliputi hutan hujan, dan baginda menegaskan komitmen untuk memelihara alam sekitar melalui tenaga yang boleh diperbaharui di tanah terpinggir dengan pemasangan sistem fotovoltaik berskala besar.

Usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar ini tegas titah baginda, merupakan sebahagian penting dalam Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD untuk menentukan masa hadapan yang rendah karbon dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Kebawah DYMM bertitah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Asia Zero Emissions Community Ke-2.

mengongsikan usaha-usaha tersebut juga telah membolehkan NBD untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 14 juta tan karbon dioksida pada 2023, meletakkan negara pada landasan yang betul bagi mencapai sasaran 20 peratus Nationally Determined Contributions dibandingkan dengan tahap *business-as-usual* pada 2015.

Akhir sekali, Kebawah DYMM bertitah mengalu-alukan untuk bekerjasama lebih rapat bersama Jepun melalui Asia Zero Emissions Centre di ERIA bagi mempercepatkan usaha-usaha serantau dalam peralihan tenaga dan turut menggalakkan kerjasama di antara Pusat Perubahan Iklim ASEAN dan Asia Zero Emissions Centre untuk meneroka langkah-langkah inovatif dan praktikal, serta dasar-dasar ke arah membentuk rantau yang berkecuali karbon.

Semasa mesyuarat berkenaan, para pemimpin AZEC menggalakkan kerjasama alam sekitar ke arah mengurangkan impak perubahan iklim, serta pembentukan usaha-usaha peralihan tenaga AZEC dan perdagangan elektrik rentas sempadan.

## PBB-ASEAN perlu tingkatkan literasi digital, pembangunan teknologi terkini yang bertanggungjawab

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Jumaat, 11 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Ke-14 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dengan menzahirkan ucapan tahniah kepada Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama António

Guterres, atas kejayaan menganjurkan 'Summit of the Future' dan pemuktamadon 'Pact for the Future', yang menggariskan visi bersama dalam membina masa depan yang lebih baik.

Sehubungan dengan itu, baginda bertitah menegaskan semula kesediaan Negara Brunei Darussalam untuk terus bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN dan PBB dalam menangani cabaran serantau dan global serta memastikan kemajuan dan pembangunan tidak terhalang.

Sementara itu, Kebawah DYMM bertitah menekankan kepentingan untuk menangani perubahan iklim, memandangkan peningkatan yang membimbangkan dalam kejadian - kejadian cuaca ekstrem di rantau ini, termasuk suhu tinggi dan ribut taufan.

Dalam perkara ini, baginda bertitah menzahirkan penghargaan ke atas gesaan untuk mempercepatkan

pelaksanaan inisiatif 'Early Warnings for All' seperti yang digarisikan didalam 'Pact for the Future', dengan setiap individu akan mendapat akses kepada sistem amaran awal menjelang 2027.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah kerjasama dengan agensi khas PBB yang berkenaan termasuk Pertubuhan Meteorologi Dunia adalah juga dialu-alukan, bagi menyokong usaha-usaha ASEAN dalam mengurangkan kesan akibat iklim.

Seterusnya, Kebawah DYMM bertitah menyatakan walaupun transformasi digital terdapat banyak manfaat, pada masa yang sama, baginda menekankan keperluan untuk terus berwaspada dan bersiap sedia, kerana juga terdapat ancaman seperti serangan siber dan jenayah siber.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM mengalu-alukan lebih banyak kerjasama antara PBB dan ASEAN untuk meningkatkan literasi digital dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Ke-14.

menggalakkan pembangunan teknologi baharu yang bertanggungjawab.

Semasa Sidang Kemuncak berkenaan, para pemimpin menekankan bahawa ASEAN

dan PBB perlu menumpukan usaha-usaha kerjasama bagi menangani cabaran-cabaran global dalam bidang-bidang seperti pengurangan risiko bencana dan perubahan iklim.

# EAS : PLATFORM PENTING MEMUPUK DIALOG, KERJASAMA PRAKTIKAL ASIA TIMUR

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman**

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Jumaat, 11 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (East Asia Summit - EAS) Ke-19 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah menyatakan bahawa sejak penubuhannya, EAS merupakan forum penting yang diterajui para pemimpin untuk memupuk dialog dan kerjasama praktikal di Asia Timur.

Dalam landskap global yang semakin rumit titah baginda lagi, EAS boleh memainkan peranan dalam menggalakkan multilateralisme bagi menangani cabaran semasa yang mendesak

dan meneroka kerjasama dalam bidang berkepentingan bersama.

Menyentuh mengenai isu kritis serantau dan antarabangsa, seperti keselamatan makanan dan tenaga serta perubahan iklim, Kebawah DYMM bertitah menekankan pelaksanaan usaha-usaha bersama amat diperlukan untuk melindungi hadapan yang lebih baik.

Sejak bertahun-tahun lagi titah baginda, EAS telah secara proaktif bersetuju untuk menanganai cabaran-cabaran tersebut melalui peningkatan kerjasama serantau.

Dalam hal ini, Kebawah DYMM bertitah menyatakan bahawa EAS hendaklah memastikan persetujuan-persetujuan yang lalu dilaksanakan untuk memastikan kedayahtahanan dan kemakmuran serantau.

Kebawah DYMM bertitah turut menekankan, walaupun wabak pandemik tidak lagi menimbulkan ancaman, tetapi kesannya terutamanya terhadap kesihatan mental tetap membimbangkan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia titah baginda lagi, kehilangan produktiviti akibat kesihatan mental yang buruk semakin berterusan dan dianggarkan secara global mencecah USD6 juta menjelang 2030.

Oleh itu tegas titah baginda lagi, EAS perlu terus bekerja lebih rapat dan menghasilkan sistem penjagaan kesihatan mental yang berkesan.

Ke arah ini, Kebawah DYMM bertitah merakamkan penghargaan atas sokongan yang diberikan kepada Bengkel Kesihatan Mental EAS Kedua, dijadualkan diadakan pada akhir tahun ini yang juga boleh menyumbang kepada pembangunan EAS Joint Action Plan on Mental Health Cooperation.

Kebawah DYMM selanjutnya bertitah menekankan bahawa ketegangan geopolitik yang berterusan telah mengganggu dan akan terus mengganggu pertumbuhan ekonomi masa hadapan dan ia terus menguji kredibiliti institusi seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) EAS, yang ahli-ahlinya termasuk kuasa-kuasa besar ekonomi dan ahli tetap Majlis Keselamatan PBB, boleh memainkan peranan penting dalam memulihkan kepercayaan dan keyakinan dalam sistem antarabangsa.

Secara keseluruhannya tambah titah baginda lagi, EAS boleh menunjukkan kepimpinan dengan menegakkan undang-undang antarabangsa secara konsisten, termasuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Konvensyen PBB mengenai Undang-undang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-19.



Laut, bagi memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang berterusan di rantau ini dan seterusnya.

Semasa Sidang Kemuncak berkenaan, para Pemimpin EAS antara lainnya menekankan kepentingan bagi menegakkan multilateralisme dan undang-undang antarabangsa, ketika dihadapi dengan ketegangan geopolitik.

Dengan mengutamakan perundingan dan dialog, EAS mempunyai tanggungjawab bersama untuk menjadi forum bagi membina semula

kepercayaan dan oleh itu, menanganai cabaran-cabaran pelbagai dimensi, ke arah memelihara keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

## Kukuhkan kapasiti kolektif ASEAN-AS dalam teknologi maklumat

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Jumaat, 11 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-12 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak berkenaan dengan menzahirkan ucapan takziah atas kehilangan nyawa dan kemasuhan teruk akibat Taufan Helene dan Taufan Milton.

Dalam mengiktiraf AS sebagai rakan kongsi yang dipercayai ASEAN, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan penghargaan atas sokongan dan komitmen berterusan AS terhadap usaha pembinaan komuniti ASEAN dalam merentasi ketiga-tiga tonggak.

Sejak bertahun-tahun lagi titah baginda, sumbangsa berkenaan

telah membentuk pembangunan sosioekonomi ASEAN dengan ketara dan meningkatkan taraf kehidupan rakyatnya.

Memandang ke hadapan, Kebawah DYMM bertitah menyeru agar segala usaha dapat digandakan lagi untuk terus menyokong Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-AS dalam bidang-bidang seperti pendigitalan dan perubahan iklim, yang bukan sekadar cabaran bahkan juga mempunyai peluang yang berpotensi besar untuk masa hadapan kolektif ASEAN dan AS.

Di samping itu, Kebawah DYMM turut bertitah menyatakan tentang kesan perubahan kemajuan teknologi ke atas setiap aspek kehidupan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan trend ini dianggarkan menyumbang kepada hampir satu trilion dolar AS kepada pertumbuhan ekonomi digital ASEAN menjelang 2030.

Dalam hal ini, baginda menyeru untuk mengukuhkan kapasiti kolektif ASEAN-AS, terutamanya dalam teknologi maklumat, bagi memastikan ia kekal di landasan yang betul.

ASEAN dan AS jelas titah Kebawah DYMM, juga harus komited untuk memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Oleh itu, baginda teruja untuk terus bekerjasama dengan AS melalui inisiatif-inisiatif untuk



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-12 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

membina kapasiti PMKS dan membantu pengintegrasian mereka ke dalam ekonomi digital.

Ke arah ini titah Kebawah DYMM lagi, penerimaan Statement on Promoting Safe, Secure, and Trustworthy Artificial Intelligence adalah dialulukan, yang akan menyokong pembangunan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN.

Pada masa yang sama, Kebawah DYMM bertitah turut mengalu-alukan untuk bekerjasama dengan AS dalam

penyelesaian digital supaya akan dapat menangani cabaran global seperti perubahan iklim.

ASEAN dan AS jelas titah baginda, boleh mendapat manfaat daripada bekerjasama dalam projek penyelidikan dan inovasi, pengumpulan data, dan menerima sokongan teknikal dalam bidang yang disasarkan seperti infrastruktur berdaya tahan iklim dan sistem amaran awal.

Akhir sekali, Kebawah DYMM bertitah menghargai sokongan

berterusan AS terhadap usaha-usaha ASEAN melalui Hab Penyelesaian Iklim dan menggalakkan kerjasama dengan Pusat Perubahan Iklim ASEAN.

Sementara itu, perbincangan antara para pemimpin menekankan keperluan untuk mengukuhkan perkongsian ASEAN-AS dalam bidang-bidang seperti ekonomi digital, termasuk kerjasama dalam kecerdasan buatan dan aliran data rentas sempadan, serta tindakan iklim dan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan.

## BERANGKAT HADIRI MAJLIS SANTAP MALAM GALA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala bagi meraikan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste, Pemimpin-pemimpin Negara Rakan Dialog dan tetamu-tetamu khas yang menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman**

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Khamis, 10 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN; Republik Demokratik Timor-Leste dan Republik India menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-21 berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-21 ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Republik Demokratik Timor-Leste, Pemimpin-pemimpin Negara Rakan Dialog dan tetamu-tetamu khas yang menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan, yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan bahawa, selama lebih satu milenium, negara-negara Asia Tenggara dan India berkongsi hubungan dalam perdagangan dan budaya, sehingga menyumbang kepada ikatan persahabatan yang kukuh secara semula jadi. Ini telah menjadi asas untuk memupuk kerjasama erat untuk menubuhkan Perkongsian Strategik Komprehensif.

Memandangkan landskap global semasa dipenuhi dengan perubahan pesat dan cabaran-cabaran baharu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan bahawa revolusi digital membawa peluang dan risiko besar.

Oleh itu, titah baginda, ia amat penting untuk mempersiapkan rakyat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 90 peratus perniagaan dan merupakan jentera inovasi dan pertumbuhan

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-21 berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane.**

inklusif.

Dalam hal ini, baginda menggesa Majlis Perniagaan ASEAN-India untuk menganjurkan lebih banyak perjumpaan di antara PMKS di ASEAN dan India. Di samping latihan kemahiran digital, ia akan meningkatkan daya tahan PMKS dan melengkapkan mereka untuk berkembang maju dalam dunia yang dipacu teknologi hari ini.

Semasa Sidang Kemuncak ini, para Pemimpin ASEAN merakamkan penghargaan terhadap sokongan berterusan India kepada ASEAN melalui Act

Yang Terutama Sonexay Siphandise selaku Pengurus ASEAN dan isteri, Madame Vandara Siphandise.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di National Convention Centre (NCC), Vientiane, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao dan isteri. Majlis ini juga diserikan dengan Persembahan Kebudayaan.



## Mempersiapkan rakyat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi



East Policy, dan menyambut baik agar hubungan ASEAN-India diperkuuhkan lagi dalam bidang-bidang yang memberi

manfaat bersama termasuk kerjasama maritim, keselamatan makanan, keselamatan siber dan transformasi digital.

# MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN SERANTAU TERHADAP PERUBAHAN IKLIM



**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Khamis, 10 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama para Pemimpin ASEAN; Republik Demokratik Timor-Leste dan Australia menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - Australia Ke-4 berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Semasa Sidang Kemuncak ASEAN-Australia Ke-4 tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah menzahirkan penghargaan terhadap

pelaksanaan 'Southeast Asia Economic Strategy to 2040' khususnya pelantikan Business Champions and Investment Deal Teams untuk meningkatkan perdagangan dua hala.

Oleh itu, ASEAN dan Australia perlu terus bekerjasama dalam menangani cabaran global bagi

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman**

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Australia Ke-4 berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

mencapai matlamat bersama demi masa hadapan yang lebih baik dan lebih terjamin.

Baginda juga menekankan bahawa perubahan iklim adalah salah satu cabaran sedemikian, sehingga menyebabkan kejadian cuaca ekstrem yang lebih kerap dan melampau, merosakkan infrastruktur dan mengganggu aktiviti pertanian.

Menurut Asian Development Bank, keselamatan makanan adalah berisiko yang disebabkan oleh produktiviti tanaman di rantau ini diunjurkan berkurangan sehingga 50 peratus menjelang 2050. Ke arah ini, baginda menekankan keperluan untuk bekerjasama rapat untuk membina daya tahan melalui amalan, dasar dan penyelidikan dalam pelbagai industri.

Akhir sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyambut baik sokongan berterusan

Australia terhadap Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Negara Brunei Darussalam, yang akan memperkuuh kesiapsiagaan serantau dan tindak balas terhadap kecemasan berkaitan iklim.

Semasa Sidang Kemuncak ini, para pemimpin mengesahkan kembali bahawa Australia merupakan rakan penting kepada ASEAN, untuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan pelaburan baharu demi memanfaatkan perniagaan, dan seterusnya meningkatkan lagi perdagangan serantau.

Dengan visi bersama untuk mencapai keamanan dan kemakmuran, ASEAN dan Australia komited untuk menubuhkan hubungan pertahanan yang lebih kukuh dan pertukaran antara rakyat melalui pendidikan dan penglibatan belia.

## APT penggerak penting majukan kerjasama Asia Timur

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Khamis, 10 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Plus Three (APT) Ke-27 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Sidang Kemuncak APT Ke-27, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dengan menyatakan bahawa APT terus menjadi daya penggerak penting untuk memajukan kerjasama Asia Timur.

Daripada Krisis Kewangan Asia kepada SARS dan pandemik COVID-19 titah baginda, APT telah berjaya

mengharungi cabaran-cabaran tersebut yang telah mengganggu pembangunan wilayah.

Tambahan lagi titah Kebawah DYMM lagi, negara-negara Plus Three memainkan peranan penting dalam usaha kerjasama, dengan sokongan dan sumbangan berterusan mereka dalam menangani cabaran yang dihadapi di rantau ini sangat berkesan termasuk penubuhan Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM), APT Emergency Rice Reserve (APTRR) dan Pejabat Penyelidikan Makroekonomi APT (AMRO).

Oleh itu, Kebawah DYMM bertitah menekankan bahawa mekanisme ini mesti diperkuuh dan mekanisme baharu yang diwujudkan hendaklah bersedia dan dapat bertindak balas terhadap kecemasan dan bencana di masa hadapan dengan berkesan, ke arah memastikan APT kekal sebagai wadah yang kukuh untuk pembangunan dan daya tahan serantau.

Sebelum mengakhiri titah,

Kebawah DYMM menghargai sokongan untuk APTRR Table-top Exercise yang akan diadakan pada 2025, yang bertujuan untuk menilai tindak

balas dan keberkesanannya APTRR, serta meningkatkan koordinasi dalam kalangan ahlinya.

Perbincangan para pemimpin pada Sidang Kemuncak berkenaan tertumpu pada meningkatkan rangkaian bekalan serantau bagi memelihara pemuliharaan ekonomi berikutnya pandemik COVID-19, di samping keperluan untuk memperkuuh kedayaatahanan bersepudua ASEAN dan negara-negara Plus Three dengan memperkuuh kerjasama keselamatan makanan serta pembangunan kapasiti bagi modal insan.

## ASEAN, Jepun perlu mempercepatkan usaha peralihan tenaga

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Khamis, 10 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-27 di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa menghadiri Sidang

Kemuncak berkenaan, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dengan menekankan bahawa Jepun telah menyumbang secara signifikan kepada keamanan dan kemakmuran rantau ini, yang membolehkan pengwujutan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-Jepun.

Baginda bertitah menyifatkan hubungan kukuh ASEAN dan Jepun ini terjalin melalui perhubungan antara rakyat dengan rakyat yang erat, dibina atas kepercayaan dan rasa hormat bersama, dipupuk oleh kerjasama 'hati ke hati' selama bertahun-tahun.

Ke arah ini, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan penghargaan atas pelbagai inisiatif yang mendekatkan rakyat melalui biasiswa, pertukaran budaya, dan aktiviti rangkaian, dan atas sumbangan Jepun kepada ASEAN Junior

Fellowship Programme, yang menyediakan satu lagi platform untuk membina dan memupuk persahabatan.

Menyentuh mengenai Sektor Tenaga, Kebawah DYMM bertitah menekankan bahawa permintaan tenaga yang meningkat di Asia Tenggara telah meningkat sebanyak tiga peratus setiap tahun dalam beberapa dekad kebelakangan ini, yang menurut Agensi Tenaga Antarabangsa didorong oleh jumlah penduduk yang semakin meningkat.

Penggunaan tenaga yang meningkat titah baginda, telah menyumbang kepada kesan perubahan iklim yang semakin teruk, mengakibatkan kerosakan infrastruktur dan kehilangan nyawa.

Justeru itu, Kebawah DYMM bertitah menekankan kepentingan untuk bertindak segera bagi melindungi

kesejahteraan rakyat ASEAN dan Jepun.

Sehubungan itu, baginda juga bertitah menekankan kepentingan bagi ASEAN dan Jepun bekerjasama dalam mempercepatkan usaha peralihan tenaga, termasuk melalui the Cleaner Energy Future Initiative for ASEAN, dan meneroka sumber alternatif bagi memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat di rantau ini.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara pusat-pusat berkaitan ASEAN dan Jepun seperti Asia Zero Emission Centre dan Pusat Perubahan Iklim ASEAN untuk membangunkan dasar dan tindakan dalam mengurangkan dan menangani perubahan iklim.

Akhir sekali, Kebawah

DYMM bertitah, Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan bengkel serantau mengenai perubahan iklim bersama ERIA yang akan diadakan pada tahun hadapan.

Para pemimpin semasa Sidang Kemuncak berkenaan, antara lainnya menggariskan kepentingan bagi usaha-usaha Jepun bagi mengurangkan karbon dalam ASEAN ke arah komuniti rendah karbon dan seterusnya menyambut baik penubuhan ASEAN Power Grid.

Dengan ASEAN Outlook on Indo-Pacific (AOIP) dan Free and Open Indo-Pacific yang diterajui oleh Jepun untuk saling melengkapi, oleh itu kerjasama dalam empat bidang utama AOIP, iaitu maritim, ekonomi, kesalinghubungan dan Matlamat-matlamat Pembangunan Mampan, perlu dipertingkatkan lagi.

# DUKUNG KESALINGHUBUNGAN DIGITAL, PERKUKUHKAN KESELAMATAN SIBER

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman



VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Khamis, 10 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - Republik Korea (ROK) Ke-25 bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Dialog yang berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN - ROK Ke-25 bagi

Memperingati Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Dialog ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa perkongsian ASEAN - ROK telah berkembang pesat sepanjang tiga dekad yang lalu, justeru itu baginda menghargai sumbangan ROK dalam mempromosikan keamanan dan kemakmuran serantau.

Oleh itu, penubuhan Perkongsian Komprehensif Strategik ASEAN - ROK yang bermakna, substantif dan bermanfaat adalah tepat pada masanya. Tambahan lagi, kemajuan teknologi telah mengubah cara berinteraksi dan mengendalikan perniagaan sejak beberapa tahun ini.

Menurut Asian Development Bank, penggunaan internet terutamanya di Asia Tenggara, telah mencapai sekurang-kurangnya 70 peratus, membolehkan syarikat dari semua saiz mencapai pasaran global melalui e-Dagang.

Kebawah DYMM menyuarakan pandangan bahawa ROK berada pada kedudukan yang unik untuk menyumbang kepada transformasi digital ASEAN termasuk pembangunan infrastruktur, seperti gerbang pembayaran digital dan program-program pembangunan kapasiti.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - Republik Korea (ROK) Ke-25 bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Dialog.

Dalam perkara ini, baginda berharap untuk bekerjasama dengan ROK melalui Korea - ASEAN Digital Innovation Flagship Project untuk mendukung kesalinghubungan digital rantau ini.

Menandangkan teknologi baharu turut menimbulkan cabaran keselamatan seperti serangan siber, kecurian dalam talian dan pelanggaran data,

baginda menekankan keperluan untuk bekerjasama rapat dalam inisiatif keselamatan siber.

Pada akhir titah, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan atas sokongan ROK terhadap ASEAN melalui ASEAN Cyber Shield Project demi memastikan ruang siber yang selamat dan terjamin untuk rakyat.

Pada Sidang Kemuncak itu,

para pemimpin menyatakan bahawa ROK memainkan peranan penting dalam memajukan transformasi digital dalam ASEAN, khususnya dalam kecerdasan buatan.

Para pemimpin juga menggesa untuk mempercepatkan proses peralihan tenaga serta pembangunan seimbang bagi memastikan masa hadapan yang mampu untuk semua.

## Realisasikan potensi penuh ekonomi digital seluruh rantau



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-27 yang berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Khamis, 10 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sidang Kemuncak ini antara lainnya membincangkan mengenai Kerjasama ASEAN-China dan hala tuju masa hadapannya, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menghargai kemajuan yang dicapai dalam meningkatkan

kerjasama di bawah Perkongsian Strategik Komprehensif dan seterusnya mengalau-alukan penganjuran aktiviti-aktiviti sempena Tahun Pertukaran Antara Rakyat ASEAN-China, yang sekali gus menyumbang kepada hubungan sosiobudaya yang lebih mendalam.

Menyentuh mengenai prospek pertumbuhan ASEAN dalam ekonomi digital, baginda menyatakan bahawa ia dianggarkan akan mencapai satu triliun dolar AS menjelang 2030. Justeru itu, baginda



menggariskan kepentingan bagi meningkatkan keupayaan digital dan mewujudkan peluang untuk rakyat, khususnya para belia, yang semakin menghayati keusahawanan dan inovasi.

Sehubungan itu, menaik taraf Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China adalah amat dialu-alukan, terutamanya dalam e-Perdagangan dan e-Perkhidmatan, sebagai langkah untuk merealisasikan potensi penuh ekonomi digital seluruh rantau.

Dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi, baginda seterusnya menggariskan kepentingan untuk menangani cabaran yang saling berkaitan seperti keselamatan makanan dan tenaga, serta perubahan iklim.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan bahawa negara-negara membangun mungkin perlu berbelanja sehingga 300 bilion dolar AS menjelang 2030 untuk mengurangkan kesan perubahan iklim.

Kebawah DYMM juga menggalakkan

mengandakan usaha bagi meningkatkan penyelaras dan membangunkan strategi dalam memastikan kemakmuran masa hadapan.

Oleh itu, baginda menghargai hasrat China dalam menyokong Pusat Perubahan Iklim ASEAN dan mengalau-alukan pengukuhan kerjasama dalam perubahan iklim, termasuk melalui Perjanjian Kerjasama Teknikal ASEAN-China.

Semasa Sidang Kemuncak ini, para pemimpin, antara lainnya, berpuas hati dengan pengukuhan hubungan ekonomi melalui penaiktarafan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China, yang diharapkan akan menggalakkan pengintegrasian ekonomi dan seterusnya mempermudahkan aliran perdagangan dan pelaburan.

Selain itu, para pemimpin juga turut mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang pertumbuhan masa hadapan seperti ekonomi hijau dan pertanian pintar.

# Hubungan perdagangan dua hala beri manfaat bersama

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh.**

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Rabu, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh di Hotel Latsavong Wanda Vista.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan penghargaan atas jemputan-jemputan untuk mengadakan



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman**

lawatan ke Viet Nam serta menghadiri Forum Masa Depan ASEAN Ke-2 pada 2025 dan baginda berharap untuk melawat negara berkenaan.

Baginda selanjutnya menyampaikan ucapan takziah atas kehilangan nyawa dan kemusnahan yang menimpa Viet Nam akibat Taufan Yagi, dengan itu, Negara Brunei Darussalam berbesar hati untuk menghulurkan bantuan.

Brunei dan Viet Nam

menikmati Perkongsian Komprehensif dalam perdagangan, tenaga dan pertukaran antara rakyat. Pelan Tindakan yang sedia ada akan mengerakkan lagi kerjasama dalam bidang yang saling bermanfaat. Kedua-dua buah negara juga bekerjasama rapat untuk meluaskan hubungan

perdagangan dua hala melalui kerjasama halal, pertanian dan akuakultur.

Kebawah DYMM kemudian menghargai bekalan kapal perkhidmatan tenaga dari Viet Nam dan mengharapkan kerjasama yang lebih mendalam dalam aktiviti cari gali minyak dan gas.

## MEMPERKUKUH KERJASAMA DALAM SEKTOR PELANCONGAN, PELABURAN DAN HALAL



**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Rabu, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua

Hala bersama Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama Paetongtarn Shinawatra di National Convention Centre (NCC).

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama Paetongtarn Shinawatra.**

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Puan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand, baginda bertitah menekankan bahawa kedua-dua buah negara terus mengembangkan kerjasama dalam perdagangan, pendidikan, pertahanan dan pertukaran antara rakyat sejak empat dekad yang lalu.

Ke arah ini, baginda mengimbas kembali Keberangkatan Rasmi baginda ke Thailand pada April 2024, yang mana kedua-dua negara bersetuju untuk memperluaskan kerjasama dalam Sektor Pelancongan, Pelaburan dan Halal.

Manakala lawatan Thai

Government Pension Fund ke Brunei baru-baru ini akan membuka lebih banyak peluang kepada kedua-dua buah negara untuk memperdalam hubungan ekonomi khususnya dalam keselamatan makanan.

Selain itu, baginda menghargai sokongan berterusan Thailand dalam pembekalan beras sejak tahun 1971. Kedua-dua belah pihak sedang meneroka Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Halal, yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia teruja menantikannya untuk dimuktamadkan. Pertukaran antara rakyat juga berjalan dengan baik, termasuk pertukaran aktif dalam pendidikan dan pertahanan.

Di samping itu, baginda menghargai sumbangan rakyat Thailand kepada pembangunan sosioekonomi Brunei dan baginda terus mengalu-alukan kedatangan mereka.

# Penglibatan aktif belia bentuk masa depan ASEAN



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri ASEAN Leaders' Interface bersama wakil-wakil belia ASEAN, yang telah berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).


**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Rabu, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang

berkenan berangkat menghadiri ASEAN Leaders' Interface bersama wakil-wakil belia ASEAN, yang telah berlangsung di National Convention Centre (NCC), Vientiane.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang



Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa ASEAN Leaders' Interface bersama wakil-wakil Belia ASEAN ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa perjumpaan berkenaan berfungsi sebagai wadah yang berharga untuk berdialog dengan para belia sebagai agen perubahan dan pembangunan, bagi mengemukakan cadangan kepada Komuniti ASEAN yang saling berkaitan dan berdaya tahan.

Dalam hal ini, para belia digalakkan untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang

ditawarkan oleh pelbagai inisiatif ASEAN, khususnya pendidikan dan kesihatan, bagi memanfaatkan potensi mereka dan menyumbang kepada pembangunan serantau.

Dalam meneruskan trajektori positif dalam usaha membina Komuniti, baginda menekankan bahawa pengintegrasian perspektif belia ke dalam Wawasan Komuniti ASEAN 2045 adalah juga penting.

Selain memperkaya wawasan, penglibatan aktif para belia secara signifikan juga membentuk masa depan ASEAN, di mana penglibatan mereka bermanfaat dan memberi kesan.



Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Penolong Bendahari Majlis Belia Brunei, Awang Mohammad Nazib bin Haji Lamat dan Penolong Pegawai Pembangunan Program di bawah Green Brunei, Dayang Hazirah binti Sufian.

## ERATKAN HUBUNGAN BAGI TINGKATKAN RELEVAN ASEAN

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,** Rabu, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri

Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 yang membincangkan agenda mengenai 'ASEAN Community Building and the Way Forward' dan 'External Relations and Future Directions'.

Pada Sesi Plenari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

mengurniakan titah menzahirkan ucapan takziah dan simpati atas kehilangan nyawa dan kemasuhan yang menimpa Filipina, Viet Nam, Laos dan Myanmar akibat Taufan Yagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menekankan bahawa ASEAN telah mengemudi pelbagai cabaran termasuk pandemik global dan perubahan

geopolitik, melalui kerjasama dan membina kesepakatan sejak ia ditubuhkan 57 tahun lalu.

Meskipun dihadapi pelbagai cabaran, titah baginda, ASEAN berjaya meningkatkan kerjasama, memeterai perjanjian-perjanjian perdagangan bebas dan membangunkan pelbagai pusat-pusat ASEAN serta memupuk kepercayaan dan kefahaman yang lebih mendalam, membina asas bagi keamanan dan pembangunan serantau.

Dalam hal ini, titah baginda, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalukan keahlian

penuh Timor-Leste, yang akan melengkapkan keluarga ASEAN dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara dan meningkatkan lagi perpaduan serantau. NBD juga kekal komited dalam menyokong usaha-usaha Timor-Leste.

Merujuk kepada Visi Komuniti ASEAN 2045 yang akan dilancarkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghargai visi tersebut inovatif dan berpaksikan rakyat serta bertujuan untuk menambah baik taraf kehidupan rakyat dan meningkatkan relevan ASEAN.

>> Muka 11



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44.

# BERANGKAT MENGHADIRI PEMBUKAAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN, SIDANG-SIDANG BERKAITAN



VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Rabu, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini berangkat ke National Convention Centre (NCC), Vientiane bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



## OPENING CERemony

44<sup>TH</sup> AND 45<sup>TH</sup> ASEAN SUMMITS AND RELATED SUMMITS

9 OCTOBER 2024, VIENTIANE, LAO PDR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke National Convention Centre (NCC), Vientiane bagi menghadiri Majlis Pembukaan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

ASEAN Youth Organisation dari Republik Indonesia.

ASEAN Prize merupakan sebuah anugerah bagi menghargai individu atau organisasi yang telah menyumbang secara signifikan ke arah memupuk persepaduan serantau dan memperkuatkan Komuniti ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke majlis berkenaan.



## Eratkan hubungan bagi tingkatkan relevan ASEAN

### >> Muka 10

Selain itu, visi ini juga menekankan pengukuhan kerjasama dalam perubahan iklim, memandangkan peningkatan jumlah kejadian cuaca ekstrem yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan kerugian ekonomi.

Oleh itu, titah baginda lagi, sebaik sahaja Pusat Perubahan Iklim ASEAN ditubuhkan, ia akan dapat menyumbang kepada pelaksanaan visi tersebut dengan mengemukakan cadangan-cadangan dasar untuk menangani isu penting ini.

Baginda seterusnya menggalakkan agar negara-negara yang selebihnya untuk menandatangani Establishing Agreement. Menyentuh mengenai hubungan luar ASEAN, baginda menghargai kemajuan signifikan yang telah dicapai, termasuk penubuhan kerjasama dengan Rakan Dialog yang baharu dan menaik taraf

lima Perkongsian Strategik ke peringkat komprehensif.

Mengeratkan hubungan adalah penting bagi meningkatkan relevan ASEAN dan memulakan bidang kerjasama yang baharu seperti digitalisasi dan peralihan tenaga.

Dalam perkara tersebut, Kebawah DYMM menekankan kepentingan untuk menilai setiap permohonan berdasarkan kelebihan dan kekuatan masing-masing bagi memastikan perkongsian yang dicadangkan akan dapat memberi manfaat kepada rakyat dan rantau ini.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri Laos selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini serta menyatakan sokongan penuh NBD kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, di mana Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2025.

Pada penghujung Sidang Kemuncak tersebut, dokumen-

dokumen termasuk Chairman's Statement of the 44th and 45th ASEAN Summit; ASEAN Leaders' Declaration on the Development of Strategic Plans to Implement the ASEAN Community Vision 2045; ASEAN Declaration on Enhancing Supply Chain Connectivity; ASEAN Declaration on Strengthening the Care Economy and Fostering Resilience Towards the Post-2025 ASEAN Community; ASEAN Leaders' Declaration on Strengthening Regional Biosafety and Biosecurity; ASEAN Declaration on the Prevention of Child Labour, including the Elimination of the Worst Forms of Child Labour; and ASEAN Public Health Emergency Coordination System (APHECS) Framework telah diluluskan dan diguna pakai.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-45 bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste.

Pada Sesi Retreat ini, telah menumpukan perbincangan pada pelaksanaan Konsensus Lima Perkara mengenai

Myanmar serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-45. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

# BERANGKAT KE MALAM GALA ULANG TAHUN ISB KE-60

Oleh : Aimi Sani  
 Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
 Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Malam Gala Ulang Tahun Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-60 bertempat di The Empire Brunei, Jerudong. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri dan kanan).

**JERUDONG**, Jumaat, 11 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman malam tadi berkenan berangkat ke Malam Gala Ulang Tahun Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Ke-60

bertempat di The Empire Brunei, di sini. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim,

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah dan kerabat diraja.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Indera Samudra, The Empire Brunei dijunjung oleh Pengurus Lembaga Pengarah ISB, Dato Seri Paduka Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim,

Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley dan Pengurus Besar ISB, Vienna Law serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah ISB yang lainnya.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama anggota Lembaga Pengarah ISB dan Pengurusan Senior ISB.

Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley dalam sembah alu-aluannya berkata, selama enam dekad, ISB menyediakan akademik yang cemerlang, memupuk minda anak-anak muda dan membentuk masa depan mereka. Pencapaian ini adalah bukti kepada kerja keras, dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua yang terlibat dengan ISB.

Malam ini, sembahnya, kita bukan sahaja merayakan sejarah ISB, tetapi juga menantikan masa depan yang penuh potensi. ISB komited untuk meneruskan tradisi inklusif dan kecermerlangan akademik, menerima inovasi serta menyediakan persekitaran di mana setiap pelajar boleh berkembang.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Pengarah ISB, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad dalam sembahnya pula berkata 60 tahun yang lalu, ISB bermula

sebagai kumpulan tutorial kecil, dikenali sebagai Correspondence School yang telah berkembang daripada permulaan yang sederhana menjadi institusi terkemuka dengan pengiktirafan antarabangsa.

Sebagai satu-satunya sekolah yang diakreditasi Majlis Sekolah Antarabangsa (Council of International Schools-CIS) di Negara Brunei Darussalam, ia adalah yang pertama di negara ini menerima Anugerah Bendera Hijau yang berprestij dan Mark Hijau BCA untuk bangunannya dan ia adalah sekolah antarabangsa perintis yang menawarkan penyediaan Keperluan Pendidikan Khas yang khusus. Pencapaian ini menekankan komitmen tidak berbelah bahagi terhadap inklusiviti sambil mengekalkan tahap pendidikan tertinggi.

"Perjalanan selama enam dekad ini diraikan dengan pelbagai pencapaian, anugerah akademik, kejayaan sukan dan banyak lagi. Namun, di sebalik kejayaan yang nyata ini terletak sesuatu yang jauh lebih abadi iaitu legasi komuniti ISB.

"Pelajar, guru, kakitangan, ibu bapa dan alumni kami masing-masing telah memainkan peranan penting dalam memupuk budaya kebaikan, hormat dan inklusiviti di mana setiap kanak-kanak didorong untuk menemui potensi unik dalam diri mereka dan cemerlang," sembahnya lagi.

Acara kemudian diikuti dengan pemotongan kek oleh Pengurus Lembaga ISB; Timbalan Pengurus Lembaga ISB; Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB serta Pengurus Besar ISB.

Ini diikuti dengan tayangan dua video iaitu satu bertajuk 'ISB 60 Tahun' yang memperlihatkan sejarah dan perkembangan sekolah di sepanjang 60 tahun ia ditubuhkan dan satu video menampilkan video para Alumni ISB.

Malam Gala juga turut menampilkan persembahan oleh pelajar-pelajar ISB, termasuk Persembahan Duet Piano yang berkenan dipersembahkan oleh anakanda DYTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Eshlee Hii (kanan dan atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan anakanda-anakanda DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi sesi bergambar ramai.



MALAM Gala juga turut menampilkan persembahan oleh pelajar-pelajar ISB, termasuk Persembahan Duet Piano yang berkenan dipersembahkan oleh anakanda DYTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Eshlee Hii (kanan dan atas).



# DIPLOMASI PERTAHANAN MEMPERKUKUH KESELAMATAN SERANTAU



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Penutup Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Turut hadir, Pemerintah ABDB (atas dan bawah).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

## >> Muka 1

Di samping itu, Yang Berhormat mengambil maklum penambahbaikan pada program tahun hadapan dengan memperkenalkan peralihan ke Program Sarjana, yang akan meningkatkan status dan martabat Maktab Turus ABDB melalui kerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD), selaras dengan keperluan pembelajaran sepanjang hayat.

Pada majlis yang berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB di sini, Yang Berhormat juga gembira atas penyertaan buat julung kalinya dari Royal Cambodian Army, menjadikan keseluruhan penyertaan dari negara-negara sahabat meningkat kepada sebanyak 19 buah negara sejak penubuhan Maktab Turus ABDB.

"Ini menegaskan betapa pentingnya peranan diplomasi pertahanan dalam memperkuhuh hubungan persahabatan antarabangsa dan kerjasama keselamatan serantau," jelas Yang Berhormat lagi.

Kursus Maktab Turus ABDB

yang disertai seramai 37 pegawai tempatan dan antarabangsa berkenaan berjaya menamatkan kursus bagi sesi ke-14 dan diraikan dengan penutupan majlis berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB hari ini.

Peserta Kursus Maktab Turus ABDB Kali Ke-14 berkenaan terdiri daripada pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan dan ABDB, agensi-agensi keselamatan lain, iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, serta 18 pegawai tentera antarabangsa, iaitu dari Republik Rakyat Bangladesh, Kerajaan Kembuja, Republik Indonesia, Kerajaan Hasyimiah Jordan, Malaysia, New Zealand, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Kerajaan Arab Saudi, Republik Singapura, Kerajaan Thailand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Sebanyak empat anugerah pengiktirafan diberikan kepada peserta kursus pada tahun ini dan Anugerah Overall Excellence diberikan kepada Mejar Cai Chengyi dari Republik Singapura yang juga turut menyandang Anugerah Academic Excellence.

Sementara itu, Anugerah RBAF Commendation dianugerahkan kepada Leftenan Komander Muhamad Adib Izzuddin bin Haji Ramli, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), yang mewakili Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB) dan Anugerah Commandant disampaikan kepada Mohammad Hazwan bin Mohammad Azani juga dari AP ABDB.

Kursus yang dijalankan selama 40 minggu berkenaan dikendalikan dengan kerjasama UBD dengan tujuan untuk memperluaskan pengetahuan profesional secara praktikal dan akademik serta disiplin bagi mengkaji persekitaran strategik semasa dan kesannya terhadap tugas mereka dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Pesuruhjaya Polis PPDB, Pemangku Naib Canselor UBD, Ketua-ketua Perwakilan Asing, Penasihat-penasihat dan Atase-atase Pertahanan yang menetap dan tidak menetap di Negara Brunei Darussalam, pengarah-pengarah, komandan-komandan, Ahli-ahli Fakulti daripada UBD dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

## Peluang meningkatkan kompetensi, memperluas jangkauan profesional



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Khamis, 10 Oktober. - Seramai lima pegawai kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terpilih untuk mengikuti Program Perkembangan Perkhidmatan Awam (PA) ke Republik Singapura bagi Kohort Ke-2 berlepas meninggalkan negara, petang tadi.

Antara para peserta program berkenaan adalah terdiri daripada para pegawai dari Jabatan Perdana Menteri (JPM); Kementerian Kesihatan; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlayar, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Ketua

Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

Program berkenaan merupakan hasil Young Leaders' Programme (YLP) Kali Ke-8 yang telah diadakan pada 3 hingga 5 Ogos 2022 di Republik Singapura dan telah dimeterai melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Singapura yang telah ditandatangani pada 24 Ogos 2022 di Republik Singapura.

Program penempatan berkenaan adalah bertujuan untuk



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlayar kepada para peserta program (atas dan kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

memberi peluang kepada para pegawai dalam PA yang berprestasi cemerlang untuk ditempatkan di beberapa agensi kerajaan atau agensi yang berkaitan di Republik Singapura dalam tempoh tertentu mengikut bidang-bidang yang bersesuaian selaras dengan keperluan semasa dalam PA NBD.

Melalui penempatan kerja berkenaan, para pegawai yang terpilih akan berpeluang untuk meningkatkan kompetensi dan memperluas jangkauan profesional untuk menyumbang ke arah pembangunan organisasi, bukan

sahaja kepada kementerian masing-masing, tetapi juga kepada perkembangan dan kemajuan PA NBD secara keseluruhan setelah pegawai berkenaan selesai mengikuti program berkenaan.

Kerjasama berkenaan diharap akan dapat mendatangkan manfaat dari segi pertukaran idea, pembelajaran daripada pengalaman dan amalan-amalan terbaik, peningkatan ilmu pengetahuan, pembinaan jaringan kerjasama dan setentunya untuk mengerakkan lagi hubungan akrab yang sudah lama terjalin di antara NBD dan Republik Singapura.

# TITIK BERATKAN AMALAN KELESTARIAN DALAM SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada majlis berkenaan.**

## >> Muka 1

Di dalam Sektor Penjagaan Kesihatan, perubahan iklim mendatangkan kesan yang sangat signifikan kepada semua lapisan masyarakat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Pelancaran Inisiatif Kelestarian (Sustainability Initiative), bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Bagi sesbuah negara yang

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

mempunyai infrastruktur dan sistem kesihatan yang lemah, perubahan iklim akan menjadi satu cabaran yang perlu diambil perhatian segera untuk membina kedayaan yang mampan, terang Yang Berhormat lagi.

Dalam jangka masa panjang, Yang Berhormat mengingatkan mengenai kesan bahaya perubahan iklim akan bergantung kepada sejauh mana tindakan transformatif dan kawal selia diambil pada masa ini untuk mengurangkan pelepasan karbon dan sekali gus mengurangkan kesan yang memudaratkan pada masa hadapan.

"Dalam menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-36 pada 12 Ogos 2024, yang mana baginda bertitah "Dalam keadaan dunia berhadapan dengan cabaran dan risiko perubahan iklim, pencemaran alam sekitar, sekuriti makanan, pemesatan digital, sekuriti siber, polarisasi sosial dan kemiskinan, maka adalah mustahak untuk kita melakar masa depan yang lebih menjamin bagi generasi akan datang".

"Perubahan iklim sememangnya telah terbukti berlaku di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Menurut kajian daripada Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), dalam tempoh 30 tahun akan datang, NBD berkemungkinan akan mengalami peningkatan suhu pada kadar  $0.4^{\circ}\text{C}$  setiap dekad. Dari 2021 hingga 2051 pula, hujan diunjurkan meningkat 5.0mm setahun. Unjurian ini akan memberi kesan kepada kesihatan penduduk dan sistem penjagaan kesihatan di negara ini," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan sebanyak 5 peratus daripada pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) adalah daripada sektor penjagaan kesihatan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menegaskan Kementerian Kesihatan melalui Alliance for Transformative Action on Climate and Health (ATACH) adalah komited terhadap Sistem Kesihatan Berdaya Tahan Iklim dan Sistem Kesihatan Lestari Rendah Karbon (Climate Resilient Health System and Low Carbon Sustainable Health System).

"Pada 26 September 2024, 'Climate, Health and Sustainability Taskforce' telah mengadakan bengkel Pertama Hospital 'GreenPossible' di Daerah Temburong.

"Bengkel ini merangkumi rangka kerja Operasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk membina sistem berdaya tahan iklim dan rendah karbon (WHO operational framework for building climate resilient and low carbon system), Matlamat Hospital Hijau dan Sihat Global (Global Green and Healthy Hospital) dan Protokol Hijau Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Pelancaran Inisiatif Kelestarian (Sustainability Initiative) yang diadakan pada hari ini menggariskan komitmen dan usaha Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang menitikberatkan budaya penjimatkan seperti penggunaan tenaga, air, kertas, pengurusan sisa perubatan dan infrastruktur kepada semua kakitangan di semua hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di NBD, tambah Yang Berhormat lagi.

"Alhamdulillah, semenjak penggunaan sistem BruHealth, Kementerian Kesihatan dapat mengurangkan 1.5 juta penggunaan kertas yang bersamaan dengan 3,750kg

karbon setiap tahun.

"Penggunaan BruHealth untuk perkhidmatan telekonsultasi, tempat temu janji secara online juga dapat mengurangkan penggunaan kertas dan penggunaan kereta untuk hadir ke pusat Kesihatan yang mana mengurangkan kira-kira 5 ke 10kg pelepasan karbon.

"Selain itu, penggunaan teknologi pengimajian perubatan digital (Picture Archiving and Communication System - PACS) juga dapat mengurangkan pemprosesan filem dan imbasan berulang yang bersamaan dengan 15kg pelepasan karbon bagi setiap pesakit.

"Walau bagaimanapun, anggaran sisa klinikal bagi Kementerian Kesihatan dalam masa setahun adalah sebanyak 1,030 tan iaitu bersamaan dengan BND1.8 juta kos penghapusan. Kementerian Kesihatan berhasrat untuk mengurangkan sisa klinikal ini sebanyak 30 peratus dalam masa lima tahun," jelas Yang Berhormat.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat seterusnya berharap akan lebih ramai lagi yang akan memahami dan mengambil bahagian untuk membuat perubahan demi untuk mengurangkan kesan negatif daripada perubahan iklim yang memudaratkan kesihatan.

## Komited ke arah kelestarian alam sekitar



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan melawat pameran pada Majlis Pelancaran Inisiatif Kelestarian (Sustainability Initiative) yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.**

berkaitan haba dan isu pernafasan seperti asma.

"Cabaran-cabaran ini menekankan keperluan penting untuk tindak balas yang terkoordinasi bagi melindungi kesihatan awam dalam menghadapi perubahan iklim," tambah beliau.

Mengiktiraf kepentingan dan keperluan perkara ini, beliau menjelaskan, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Dunia, World Health Organisation (WHO), Dr. Tedros Ghebreyesus, telah mengisyarkan krisis iklim sebagai krisis kesihatan pada tahun 2023.

Ini membawa kepada penubuhan WHO Alliance for Transformative Action on Climate and Health (ATACH) yang mencerminkan kesedaran yang semakin mendalam bahawa menjaga kesihatan manusia bererti juga memelihara kelestarian dunia kita, terang Pengiran Dr. Noor Affizan.

"Sebagai tindak balas kepada seruan tindakan global ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Taskforce Climate, Health and Sustainability.

"Taskforce ini adalah bukti dedikasi kolektif kita dalam memastikan bahawa sistem penjagaan kesihatan kita kekal berdaya tahan dalam menghadapi perubahan iklim.

Dengan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada

kepimpinan kita, terutamanya daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kami yakin bahawa Kementerian Kesihatan, bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, yang di antaranya telah dijemput hadir, dapat bekerjasama untuk menjayakan usaha ini.

"Peranan kami sebagai taskforce ini adalah untuk menyediakan panduan, sokongan, dan bekerjasama dengan semua pihak di dalam kementerian untuk mencapai visi ini. Inisiatif Kelestarian atau Sustainability Initiative merupakan asas utama transformasi ini - usaha menyeluruh untuk menggabungkan amalan resilien dan kelestarian ke dalam praktis kesihatan kita," ujar beliau lagi.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan ucapan daripada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham.

Yang Berhormat kemudiannya menyampaikan lencana dan sijil lantikan kepada Ahli-ahli Green Team sebagai focal dan pendorong inisiatif hijau dan kelestarian Kementerian Kesihatan, yang terdiri daripada Green Possible Team (Pengguna Hospital, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan sebagainya); Sekretariat bagi MOH Climate, Health and Sustainability Taskforce; dan Jururawat-jururawat kawalan jangkitan (infection prevention control nurses).

Pada majlis ini juga terdapat beberapa pameran dari Kementerian Kesihatan, Jabatan-jabatan Kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Perusahaan Sosial (SE) untuk mempamerkan sumbangan mereka dalam inisiatif kelestarian perubahan iklim.

Malalui pameran-pameran inovatif, mereka mengetengahkan amalan mesra alam, produk lestari, dan usaha pengurangan sisa. Platform ini membolehkan vendor berkongsi komitmen mereka terhadap alam sekitar dan memberi inspirasi ke arah masa depan yang mampan.

Dengan memperkenalkan inisiatif kelestarian yang akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ini, ia dapat meningkatkan kesedaran dan penglibatan semua pihak berkepentingan termasuk kakitangan kesihatan, pesakit dan masyarakat umum. Justeru itu, ia dapat menyumbang kepada pengurangan kos operasi jangka panjang, meningkatkan kualiti persekitaran hospital / klinik dan menjaga kesejahteraan masyarakat.

Selain itu objektif inisiatif kelestarian ini ialah meningkatkan kesedaran dan penglibatan semua pihak yang berkepentingan; mewujudkan budaya kerja lebih prihatin terhadap alam sekitar dalam kalangan kakitangan kesihatan; membantu mencapai sasaran pengurangan karbon dan pengurusan sisa yang lebih baik; dan Green Team yang ditubuhkan sebagai peneraju Inisiatif Kelestarian Kementerian Kesihatan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; serta ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan, Jabatan-jabatan Kerajaan serta NGO dan SE.

**BERAKAS**, Khamis, 10 Oktober. - Dalam usaha untuk menyokong pelaksanaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai perubahan iklim, Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Inisiatif Kelestarian (Sustainability Initiative) yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis pelancaran berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan daripada Pengiran Dr. Noor Affizan

binti Pengiran Haji Abdul Rahman selaku Timbalan Pengurus Majlis dan juga selaku Lead / Ketua inisiatif kelestarian.

Pengiran Dr. Noor Affizan dalam ucapannya menjelaskan perubahan iklim sememangnya berkait rapat dengan kesihatan, kesan perubahan iklim bukanlah sesuatu yang berlaku secara terpisah kerana ia memberi kesan kepada kita semua dan sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan, kita menyaksikan kesannya secara langsung.

"Mereka yang terjejas oleh bencana alam, penyakit dan perubahan alam sekitar akhirnya datang kepada kita untuk mendapatkan rawatan dan bantuan.

"Di Negara kita Brunei Darussalam, sebagai contoh, peningkatan gelombang haba (heat wave) dan jerebu (haze) akibat kebakaran hutan transboundary telah menyebabkan lebih banyak kes penyakit

seperti asma.

"Cabaran-cabaran ini menekankan keperluan penting untuk tindak balas yang terkoordinasi bagi melindungi kesihatan awam dalam menghadapi perubahan iklim," tambah beliau.

Mengiktiraf kepentingan dan keperluan perkara ini, beliau menjelaskan, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Dunia, World Health Organisation (WHO), Dr. Tedros Ghebreyesus, telah mengisyarkan krisis iklim sebagai krisis kesihatan pada tahun 2023.

Ini membawa kepada penubuhan WHO Alliance for Transformative Action on Climate and Health (ATACH) yang mencerminkan kesedaran yang semakin mendalam bahawa menjaga kesihatan manusia bererti juga memelihara kelestarian dunia kita, terang Pengiran Dr. Noor Affizan.

"Sebagai tindak balas kepada seruan tindakan global ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Taskforce Climate, Health and Sustainability.

"Taskforce ini adalah bukti dedikasi kolektif kita dalam memastikan bahawa sistem penjagaan kesihatan kita kekal berdaya tahan dalam menghadapi perubahan iklim.

Dengan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada

# Memperluaskan peluang kerjasama perdagangan, pelaburan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AECC) Ke-24 yang diadakan di Vientiane, Lao PDR.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

### >> Muka 1

Antara lain, para Menteri mengambil maklum tentang kemajuan memberangsangkan Lao PDR's Priority Economic Deliverables (PED) dan bertukar - tukar pandangan mengenai prospek ekonomi ASEAN.

Para Menteri menantikan penglibatan dan kerjasama berterusan ASEAN, terutamanya melalui peningkatan peluang perdagangan dan pelaburan serta pengukuhan rangkaian rantaian bekalan, di samping menegakkan sistem perdagangan pelbagai hala berdasarkan peraturan.

Mesyuarat itu turut

membincangkan agenda Transformasi Digital ASEAN, termasuk pelaksanaan Pelan Hala Tuju Transformasi Digital Bandar Seri Begawan dan rundingan berterusan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA).

Menteri-menteri mengesahkan kepentingan ekonomi digital kepada pertumbuhan ekonomi rantau ini dan menantikan potensi

DEFA untuk memberikan manfaat kepada Sektor Perniagaan di rantau ini.

Mesyuarat AECC Ke-24 juga mengesahkan Dokumen Hasil AEC yang akan diserahkan kepada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan yang dijadualkan pada 8 - 11 Oktober 2024 di Vientiane, Lao PDR.

Pada mesyuarat itu, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew antara lain menekankan kepentingan negara-negara anggota ASEAN untuk meneruskan kerjasama yang kukuh dalam meningkatkan intra-Perdagangan dan pelaburan ASEAN dan memperdalam integrasi ekonomi serantau.

Yang Berhormat seterusnya menggalakkan ASEAN untuk memanfaatkan momentum yang baik dalam membangunkan dasar yang teguh dan berpandangan ke hadapan, dengan tujuan untuk memastikan ASEAN kkal relevan dan menyesuaikan diri dengan cabaran kompleks yang dihadapi dunia hari ini.

Mesyuarat AECC Kali Ke-24 diadului dengan Mesyuarat Persediaan Mesyuarat Pegawai-pegawai Ekonomi Kanan (Prep-SEOM) pada 6 Oktober 2024.

Mesyuarat dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian), Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin dan pegawai dari Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

# KESIHATAN MENTAL PEKERJA PERLU DIUTAMAKAN

## Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Oktober. - Hari Kesihatan Mental Sedunia akan disambut di seluruh dunia pada setiap 10 Oktober sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan mental dan menggalakkan perbincangan terbuka tentang kesihatan mental serta mengurangkan stigma dalam kalangan masyarakat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar seterusnya menyatakan tema Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini ialah 'Sudah Tiba Masanya Untuk Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja'.

Tema ini jelas Yang Berhormat, dipilih untuk menyerlahkan kepentingan kesihatan mental di tempat kerja yang mana persekitaran kerja yang selamat dan sihat boleh bertindak sebagai faktor perlindungan untuk kesihatan mental.

Keadaan yang tidak sihat termasuk stigma, diskriminasi dan pendedahan kepada risiko seperti gangguan di tempat kerja mampu menjelaskan kesihatan mental, kualiti hidup secara keseluruhan dan mengakibatkan kurang penyertaan atau produktiviti di tempat kerja.

"Walaupun kehidupan bekerja amatlah penting dan boleh membawa kebaikan kepada individu, keluarga dan masyarakat, tidak dapat dinafikan masalah dalam pekerjaan yang tidak ditangani dengan baik boleh membawa kepada masalah kesihatan mental.

"Masalah-masalah seperti buli, gangguan seksual, tekanan berlebihan atau tidak wajar di tempat kerja, ketidakseimbangan pekerjaan dan kehidupan ataupun *poor work-life balance*, gaji yang tidak dibayar atau lambat dibayar termasuk gaji lebih masa, pilih kasih, masalah dihubungi di luar

waktu kerja, kerja yang tidak sesuai dengan kebolehan dan kekurangan peluang untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran, adalah sebahagian daripada masalah-masalah yang boleh menyumbang kepada *burnout* dan masalah kesihatan mental," tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 pada 10 Oktober 2024.

Jelas Yang Berhormat lagi, akibat *burnout* dan masalah kesihatan mental yang tidak dibendung boleh membawa kepada kekurangan produktiviti kerja termasuk tidak hadir kerja, kerap cuti sakit atau berhenti kerja. Anggaran kerugian untuk seluruh dunia berjumlah USD1 trilion setiap tahun dan 12 bilion hari bekerja disebabkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan.

Justeru, Yang Berhormat menambah untuk kebaikan individu dan juga kepentingan badan-badan kerajaan dan swasta, dasar-dasar yang bersifat mengutamakan kesihatan mental pekerja amatlah perlu untuk dilaksanakan.

Antara langkah permulaan yang dapat dilakukan kongsi Yang Berhormat termasuk sentiasa memastikan pendekatan terbaik untuk menyokong kesihatan mental yang positif di tempat kerja; wujudkan suasana tempat kerja di mana setiap pekerja dapat membincangkan mengenai kesihatan mental atau cabaran yang dihadapi tanpa dinilai atau dihukum.

Ini termasuk membina kepercayaan antara pekerja dan pengurus atas dasar saling menghormati dan mendorong hubungan yang baik sesama rakan sekerja termasuk aktiviti *team-building* seperti beriadah, bersenam atau beribadah bersama.

Selain itu, memastikan tidak ada

diskriminasi terhadap orang yang mempunyai masalah kesihatan mental; mengenal pasti pengurus yang dapat menjayakan program kesihatan mental di tempat kerja termasuk menjalani latihan atas mengenai kesihatan mental dan jika sebuah tempat kerja dapat menyediakan perkhidmatan kaunseling, perlu dipastikan kaunselor tersebut adalah terlatih dan mematuhi etika yang baik termasuk mematuhi batas-batas perhubungan serta menjaga kerahsiaan klien.

Yang Berhormat seterusnya berkata kesihatan mental yang baik adalah sesuatu aset yang berharga untuk individu, keluarga dan masyarakat secara amnya dalam menuju ke arah Wawasan Brunei 2035 dan perlu dipupuk dalam semua lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menggunakan pendekatan holistik dan bersepadeu untuk mengekalkan kesihatan mental yang baik termasuk menjaga kesihatan kerohanian melalui istiqamah dalam aktiviti keagamaan seperti sembahyang dan mengaji Al-Quran serta berzikir.

Seterusnya, menjaga kesihatan fizikal melalui senaman dan pemakanan yang sihat serta tidur yang cukup; menjaga kesihatan sosial seperti beriadah dengan kawan-kawan dan keluarga. Adalah penting juga mengenal pasti dan menegakkan *boundaries* atau batas-batas pergaulan yang sihat serta mengurangkan masa yang diluangkan online atau dalam talian.

Selain itu, menjauhi daripada penggunaan dadah dan arak; mempelajari kemahiran baharu dan menimba pengalaman positif yang baharu; membincangkan masalah serta perkara-perkara melibatkan fikiran dan emosi bersama orang yang dipercayai

dan bagi mereka yang mempunyai gejala-gejala masalah atau penyakit kesihatan mental untuk pergi ke klinik kesihatan terdekat atau menghubungi Talian Harapan 145.

"Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di NBD sangat beruntung kerana dengan kepimpinan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, isu mengenai kesihatan mental selalu diutamakan.

"Baru-baru ini, tema yang dipilih bagi Majlis Ilmu 2024 adalah 'Menangani Gejala Mental'. Semasa majlis tersebut juga, sebuah buku yang bertajuk 'Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi : Buku Panduan Doa dan Zikir' telah diterbitkan sebagai garis panduan praktikal dan satu inisiatif untuk menjaga dan merawat kesihatan mental bagi mencapai ketenangan jiwa dan ketenteraman hati, sebagai kesinambungan usaha Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menangani isu berkaitan masalah kesihatan mental," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat lagi Kementerian

Kesihatan khususnya melalui usaha sama Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat serta Pusat Promosi Kesihatan juga telah pun mengambil inisiatif untuk membuat pelbagai jerawara merentas semua kementerian di NBD sepanjang tahun bermula dari Hari Kesihatan Mental Sedunia tahun lepas iaitu pada 10 Oktober 2023 demi untuk memberikan peluang perbincangan terbuka tentang kesihatan mental serta mengurangkan stigma dalam kalangan pekerja-pekerja.

Sementara itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah banyak bekerja rapat dengan Kementerian Kesihatan untuk memperkasakan rawatan bersepadeu untuk menangani masalah kesihatan mental.

Sebelum mengakhiri perutusan sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini, Yang Berhormat menyeru agar setiap individu bertindak sekarang dan bertanggungjawab terhadap kesihatan mental masing-masing.

"Dengan melaburkan usaha, kerjasama daripada semua pihak dan campur tangan berdasarkan bukti di tempat kerja, setiap pekerja mempunyai peluang untuk berkembang maju di tempat kerja dan dalam kehidupan," tambah Yang Berhormat.

**■ TEMA sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini ialah 'Sudah Tiba Masanya untuk Mengutamakan Kesihatan Mental di Tempat Kerja'.**

**■ TEMA tersebut menyerlahkan kepentingan kesihatan mental di tempat kerja yang mana persekitaran kerja yang selamat dan sihat boleh bertindak sebagai faktor perlindungan untuk kesihatan mental.**

**■ AKIBAT *burnout* dan masalah kesihatan mental yang tidak dibendung boleh membawa kepada kekurangan produktiviti kerja termasuk tidak hadir kerja, kerap cuti sakit atau berhenti kerja.**

**■ UNTUK kebaikan individu dan juga kepentingan badan-badan kerajaan dan swasta, dasar-dasar yang bersifat mengutamakan kesihatan mental pekerja amatlah perlu untuk dilaksanakan.**

# PENAMBAHBAIKAN LALUAN JAMBATAN KAMPUNG SETIA 'A'

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 9 Oktober. - Penduduk Kampung Setia 'A' Zon 2 kini boleh menggunakan laluan jambatan kayu dengan lebih selesa setelah menjalani pengubahsuaian dengan keadaan yang lebih selamat bagi kegunaan harian mereka.

Penambahbaikan laluan jambatan berkenaan merupakan edisi kedua Projek Pembangunan Sosial yang diselenggarakan oleh Mitsubishi Corporation menerusi Pejabat Hubungannya di negara ini bersama Green Brunei telah sempurna diserahkan hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang

Terutama Maeda Toru serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkesempatan menyaksikan kesiapan laluan jambatan tersebut dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada mangsa-mangsa kebakaran Kampung Setia 'B'. Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga menyumbangkan hampir BND20 ribu bagi bantuan membangun semula rumah-rumah di Kampung Setia 'B'.

Wakil Negara Pejabat Hubungan Brunei, Mitsubishi Corporation, Tadashi Hara dalam ucapannya menyatakan bahawa dengan menjalankan pembaikan dan mempertingkatkan keselamatan laluan pejalan kaki, mereka berharap penduduk akan menggunakan laluan yang

diperbaharui itu sebaik mungkin kerana keselamatan penduduk merupakan aspek yang begitu penting buat mereka dalam memberikan kembali kepada masyarakat.

Di samping itu, katanya, di bawah sokongan Kementerian Pendidikan serta Jabatan Perhutanan, pihaknya membuat sebanyak lima lawatan pendidikan dengan melibatkan seramai 86 pelajar ke Pusat Biodiversiti Tropika yang terdiri daripada Sekolah Rendah Sungai Siamas, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Sekolah Rendah Bendahara Lama, Sekolah Rendah Saba Darat dan Sekolah Rendah Haji Tarif.

Tambahnya, objektif tersebut diharap dapat menyebarkan kesedaran alam sekitar kepada generasi muda dengan menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari Biodiversiti di NBD melalui lawatan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir dan berkesempatan menyaksikan kesiapan laluan jambatan tersebut.

pendidikan tersebut dan semoga para pelajar mendapat manfaat dan banyak ilmu daripada program itu.

Adapun Projek Pembangunan Sosial memberi impak yang bermakna dengan membina

laluan sepanjang 132 meter serta membaik pulih pondok rehat di Kampung Setia 'A' Zon 2. Kampung Ayer. Kerja-kerja pembaikan laluan bermula pada 6 Ogos 2024 dan berakhir pada 20 Ogos 2024.

## Ilmu agama, benteng pertahanan akidah pelajar

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**JERUDONG**, Jumaat, 11 Oktober. - Persekolahan ugama di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyumbang kepada keberkesanannya dan kemantapannya hidup beragama di negara ini, sehingga lahirlah anak-anak tempatan yang teguh beriman, taat mengerjakan amal ibadat dan sehingga yang demikian menjadi masyarakat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Islam menurut Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Syafii dalam keadaan aman, harmoni dan sejahtera.

Justeru, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dalam ucapannya seterusnya menyarankan kepada pelajar-pelajar sekalian untuk mengamalkan ilmu pengetahuan agama yang dipelajari, sebagai amalan sepanjang hayat dan benteng pertahanan akidah diri pelajar-pelajar dalam menghadapi dan mendepani ranjau kehidupan yang semakin mencabar.

Ujar Yang Berhormat lagi, istilah dunia tanpa sempadan, kecanggihan perantian, akses kepada maklumat yang tidak ada batas dan sebagainya akan mendorong penggunanya ke arah yang tidak betul jika ilmu agama tidak teguh dalam diri sendiri.

"Pelajar-pelajar juga adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan sama ada di mukim-mukim, kampung-kampung atau dalam kegiatan belia masjid.

"Tunaikan sembahyang fardu, melazimkan membaca Al-Quran dan sebagainya supaya kita sentiasa mendapat ketenangan dan memperoleh keberkatan rahmat dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua," ujar Yang Berhormat lagi pada Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi bertempat di Art Centre, Jerudong International School, hari ini.

Nama baik ibu bapa serta

keluarga, bangsa dan negara tegas Yang Berhormat, hendaklah sentiasa dijaga dengan menjauahkan diri dari terlibat dengan gejala sosial seperti menyalahgunakan dadah, pergaulan bebas dan sebagainya, yang setentunya tidak memberi apa-apa manfaat.

Yang Berhormat selanjutnya menyatakan bahawa tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini iaitu 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan', di mana tema tersebut mencerminkan peranan guru yang semakin penting dalam membimbing anak-anak, ketika menghadapi perkembangan teknologi dan tantangan global.

Sambutan Hari Guru bukan hanya terbatas kepada memberikan penghormatan kepada para guru, tetapi juga menjadi pengingat akan pentingnya pendidikan bagi pembangunan masyarakat dan bangsa malah memastabatkan profesion perguruan yang banyak menyumbang kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia negara.

Yang Berhormat seterusnya mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua guru di negara ini amnya, dan guru-guru di Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong, khasnya, semoga segala pengorbanan yang dicurahkan dalam membina bangsa yang beragama dan beriman, akan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Terdahulu, Yang Berhormat melahirkan penghargaan tahniah dan menyatakan bahawa majlis seumpama ini adalah sebagai tanda kesyukuran dan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya dalam Peperiksaan SSSRU bagi Tahun 2023M.

Kejayaan pelajar-pelajar hari ini jelas Yang Berhormat, adalah atas sumbangan yang ikhlas daripada guru-guru yang telah membimbing pelajar-pelajar tanpa mengira penat lelah yang semata-mata menginginkan anak didik mereka

meraih kejayaan demi masa depan mereka. Semoga ilmu pengetahuan dan amal bakti yang dicurahkan oleh guru-guru semua akan mendapat balasan dan ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan Sijil Peperiksaan SSSRU kepada seramai 64 murid Darjah VI bagi Tahun 1445H / 2023M.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Norimy bin Haji Ahad dan bacaan Surah Al-Mulk oleh Dayang Asma' binti Haji Noor Nasran / Abdullah serta turut diserikan dengan pelbagai persembahan murid-murid sekolah berkenaan.

Majlis diadakan adalah sebagai



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan Sijil Peperiksaan SSSRU kepada penerima.

satu penghargaan dan pengiktirafan kepada murid-murid yang memperoleh pencapaian cemerlang dalam bidang akademik hasil usaha gigih para murid, sokongan padu daripada ibu bapa serta dedikasi guru-guru. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024
2. 'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024
3. 'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi

**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# DOA KESYUKURAN SEMPENA MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PERKHIDMATAN POS



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 Oktober. - Bersempena dengan Memperingati Penubuhan Jabatan Perkhidmatan Pos yang Ke-118 tahun sejak penubuhannya pada 11 Oktober 1906 dan diteruskan dengan Sambutan Hari Pos Sedunia Tahun 2024 (World Post Day 2024), Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah hari ini di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

## Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap di MTIC, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua eksekutif, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran khusus untuk pegawai-pegawai dan kakitangan JPP dan warganya yang telah kembali ke rahmatullah dan diikuti dengan Solat Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau Lapangan Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohamad Aduka bin Haji Abdul.

Hari Pos Sedunia diraikan pada setiap 9 Oktober oleh para penyedia perkhidmatan pos dari Negara-negara Ahli Kesatuan Pos

Sedunia atau Universal Postal Union (UPU) di seluruh dunia bagi memperingati kepentingan perkhidmatan-perkhidmatan pos.

Tahun ini merupakan ulang tahun penubuhan Kesatuan Pos Sedunia yang Ke-150 dan disambut dengan tema '150 Tahun Membolehkan Komunikasi dan Memperkasakan Masyarakat Di Seluruh Negara'.

Tema berkenaan mengiktiraf peranan penting kesatuan berkenaan sejak penubuhannya pada tahun 1874 dalam menghubungkan masyarakat di seluruh dunia. Kelahiran Kesatuan Pos Sedunia pada 9 Oktober 1874 melalui penandatanganan Perjanjian Bern (Treaty of Bern) oleh 22 negara telah membuka jalan kepada perkhidmatan pos yang boleh dipercayai sehingga ke hari ini.

Kini, selepas satu setengah abad, kesatuan berkenaan telah menghubungkan rangkaian pos di 192 negara-negara ahli untuk memperkuuh lagi visinya untuk memberikan perkhidmatan pos kepada kesemua masyarakat tanpa batasan. Selama 150 tahun kesatuan berkenaan telah memainkan peranan penting dalam memajukan perkhidmatan pos dalam menghubungkan komuniti, dengan matlamat untuk membawa manfaat kepada masyarakat.

>> Muka 18

## 194 pelatih Program Pembangunan Belia terima sijil

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada para penerima (kiri sekali dan kiri). Manakala gambar bawah, sekitar Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB) 2024 berlangsung di PPB.

kursus-kursus dengan permintaan pasaran.

Di samping itu, pihak PPB juga akan sentiasa berusaha meningkatkan kerjasama dengan *stakeholder* dan rakan strategik melalui konsep '3P' iaitu 'Public, Private and Partnership' dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai lepasan pelatih yang berkualiti; dan sokongan setiap pihak melalui pendekatan senegara adalah penting bagi memastikan para graduan diberikan peluang serta mampu untuk mencapai yang terbaik.

**TANAH JAMBU,** Khamis, 10 Oktober. - Seramai 194 pelatih Program Pembangunan Belia Sesi Januari 2021 dan Sesi Julai 2021 masing-masing menerima sijil mereka hari ini setelah berjaya menamatkan kursus di bawah Program Pembangunan Belia.

Sehubungan itu, Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB) 2024 berlangsung di PPB, pagi tadi, disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Para penerima Sijil Program Pembangunan Belia Sesi Januari 2021 dan Sesi Julai 2021 ini terdiri daripada mereka yang telah mengikuti Kursus Baik Pulih Badan Kenderaan; Kursus Kimpalan dan Fabrikasi, Kursus Teknologi Info-Komunikasi, Kursus Kulinari dan Bankuet; Kursus Pastri dan Konfeksionari; Kursus Paip Air Domestik; Kursus Penghawa

Dingin dan Pendinginan, Kursus Teknologi Rekaan Fesyen; Kursus Terapi Kecantikan dan Kursus AgroBIZ.

Kemuncak acara pada majlis tersebut adalah penyampaian Anugerah Pelatih Cemerlang bagi dua sesi berkenaan.

Anugerah berkenaan merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada pelatih yang telah mendapat keputusan cemerlang semasa mengikuti pengajian di PPB di samping menunjukkan usaha-usaha yang membanggakan termasuk status *outcome* mereka setelah tamat menjalani pengajian.

Anugerah Pelatih Cemerlang Sesi Januari 2021 diterima oleh Xan Mc Carly bin Bandang manakala, Pelatih Cemerlang Sesi Julai 2021 diterima oleh Maratus Saleha binti Mat Salleh.

Dalam usaha untuk melahirkan lebih banyak sumber tenaga kerja yang berkualiti sama ada di peringkat separuh mahupun

mahir yang diperlukan dalam kalangan belia bagi memberikan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada keperluan perkembangan dan kemajuan

ekonomi negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui PPB akan sentiasa menilai permintaan pasaran pekerjaan bagi memastikan keserasian





**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam menuntut umatnya untuk mencari nafkah agar dapat meneruskan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Berusaha untuk mencari rezeki yang halal adalah diwajibkan oleh syarak. Namun ada di antara kita yang berasa gelisah kerana tidak mendapat rezeki yang mencukupi untuk keperluan hidup walhal dia telah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Perlu diingat, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan rezeki kepada mereka yang dikehendaki-Nya sebagaimana firman-Nya dalam Surah Saba', ayat 36 :

**Tafsirnya** : "Katakanlah (Wahai Nabi Muhammad) : "Sesungguhnya Tuhanmu meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya) tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahuinya".

Cukup ataupun tidak rezeki yang kita terima itu bukanlah diukur dengan kuantiti semata-mata tetapi yang penting ialah keberkataannya. Nikmat keberkatan akan semakin dirasai apabila dimanfaatkan ke arah kebaikan serta digunakan ke jalan yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala. Tanpa keberkatan, rezeki yang banyak sekali pun manusia tidak akan berasa cukup dan puas.

Secara zahirnya, untuk menggapai rezeki dan kejayaan dalam kehidupan, seseorang itu perlulah, Pertama : Berusaha dan berikhtiar untuk bekerja dengan gigih dan bersungguh-sungguh, Kedua : Memiliki ilmu dan kemahiran sesuai dengan bidang

## Kunci pembuka pintu rezeki

pekerjaan dan Ketiga : Tidak mudah berputus asa dengan bangkit semula jika ditimpakan kegagalan atau ujian. Apa yang penting, apa sahaja bidang pekerjaan yang diceburi sama ada berkhidmat dengan kerajaan, swasta, usahawan, peniaga, pekerja dan sebagainya hendaklah dipastikan rezeki yang didapatkan itu benar-benar halal dan tidak menyimpang dari landasan hukum syarak.

Selain secara zahir, kunci meraih rezeki yang luas dan berkat juga berkait rapat bagaimana hubungan seseorang hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 172 :

**Tafsirnya** : "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah makanan yang baik-baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya beribadah kepada-Nya".

Oleh yang demikian, kita diperintahkan bukan sahaja setakat memakan rezeki yang halal dan baik tetapi juga menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan ketaatan, kepatuhan dan kehambaan yang berterusan.

Justeru, panduan bagi memperoleh rezeki yang luas dan berkat ada digariskan dalam Al-Quran dan hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya ialah :

**Pertama** : Bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Mereka yang bertakwa ini, dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpahan rezeki, malah Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada mereka jalan keluar daripada segala kesusahan. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Talaq, ayat 2-3 :

**Tafsirnya** : "Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu".

**Kedua** : Bertaubat dan beristighfar.

Bertaubat ialah meninggalkan perbuatan-perbuatan dosa dan berasa menyesal setelah melakukannya serta berazam untuk tidak mengulanginya lagi. Jika berhubung kait dengan hak orang lain, maka hendaklah disertai dengan memohon maaf kepada orang itu agar diampunkan daripada dosa yang telah dilakukannya terhadapnya dan mengembalikan hak orang yang telah dizaliminya. Di dalam Al-Quran ada disebutkan bahawa bertaubat

dan beristighfar adalah antara sebab diperluaskan rezeki. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Hud, ayat 52 :

**Tafsirnya** : "Dan (Nabi Hud Alaihissalam berkata) : "Wahai kaumku! Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu kemudian bertaubatlah kepada-Nya, nescaya Dia akan mencurahkan hujan yang lebat dan menambahkan kamu kekuatan (harta dan anak-anak) di samping kekuatan kamu yang sedia ada dan janganlah kamu berpaling dengan terus melakukan dosa".

Atau ini menerangkan bahawa Nabi Hud Alaihissalam telah memerintahkan kaumnya iaitu Kaum 'Ad untuk beristighfar dan bertaubat supaya dikurniakan hujan yang lebat dan diampunkan dosa yang telah lalu iaitu dosa menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembah berhala. Ini kerana sesiapa yang bertaubat dan beristighfar maka akan diluaskan Allah Subhanahu Wata'ala rezekinya, diper mudahkan urusannya dan mendapat perlindungan daripada-Nya dalam keadaan negeri yang kering kantang kerana ditimpakan kemarau, manakala hujan pula memang menjadi sebesar-besar rahmat.

**Ketiga** : Bertawakal iaitu berserah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berpegang teguh kepada-Nya. Jika seseorang itu benar-benar bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berkeyakinan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala yang melakukan semua itu dan tiada yang memberi rezeki melainkan Allah Subhanahu Wata'ala dan tiada yang berkuasa menghalang melainkan Allah Subhanahu Wata'ala juga di samping berusaha bersungguh-sungguh, nescaya akan dilimpahkan rezeki kepadanya seperti mana rezeki yang dilimpahkan kepada burung. Daripada Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Jika sesungguhnya kamu bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar tawakal, maka akan diberikan rezeki kepada kamu seperti mana rezeki yang diberikan kepada seekor burung menjamu makaran di awal pagi ketika sedang lapar dan kembali setelah perut penuh (iaitu sesudah berasa kenyang)". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

**Keempat** : Menghubungkan silaturahim adalah antara sebab-sebab diluaskan rezeki. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Barang siapa yang suka dimurahkan rezekinya dan dipanjangkan usianya maka hendaklah dia mengeratkan hubungan kekeluargaan (silaturahim)". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Kelima** : Memperbanyak sedekah. Sedekah adalah satu amalan yang ajaib kerana semakin kita bersedekah semakin Allah Subhanahu Wata'ala tambahkan lagi rezeki kepada kita, akan tetapi bersedekah itu hendaklah niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fatir, ayat 29-30 :

**Tafsirnya** : "Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membawa kitab (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembuni-sembuni atau secara terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi. Supaya Allah menyempurnakan perkhidmatan mereka dan menambahkan lagi limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Membalas dengan sebaik-baiknya (orang-orang yang bersyukur kepada-Nya)".

Rezeki yang kita peroleh itu adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala dan Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sahajalah yang berhak mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh yang demikian, apa yang penting dalam mencari rezeki itu ialah membetulkan niat bekerja kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk menanggung dan mencukupkan keperluan diri sendiri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita serta digunakan ke jalan yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita dilarang menyalahkan takdir jika rezeki yang dihajati masih belum diperoleh sedangkan telah banyak doa dan amalan yang sudah dilakukan. Ini kerana akalalnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak mengurniakan sesuatu yang diminta tetapi Dia mengurniakan sesuatu yang diperlukan. Kita wajib meyakini bahawa setiap kita mempunyai bentuk rezeki yang berbeza-beza. Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang mengetahui hikmah dan sebab di sebalik setiap pemberian. Sama-sama lah kita berdoa semoga kita semua dikurniakan rezeki yang mencukupi dan berkat, kita kuatkan tekad dan tawakal sambil berusaha dan berikhtiar tanpa putus asa. Semoga kita tergolong di dalam hamba-hamba-Nya yang sentiasa bersyukur dan reda atas setiap anugerah dan pemberian-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih". (Surah An-Nahl, ayat 18)

## Doa Kesyukuran sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Perkhidmatan Pos

>> Muka 17

Tema berkenaan juga menyentuh penghargaan ke atas pencapaian sepanjang satu setengah abad, dan kesatuan berkenaan telah mampu untuk menyentuh kesemua negara ahlinya dalam menyampaikan perkhidmatan walaupun menempuh pelbagai cabaran mengikut peredaran zaman.

Kesatuan Pos Sedunia komited untuk memenuhi keperluan masa kini dan masa depan, agar ia kekal relevan sebagai alat komunikasi dan perhubungan yang penting. Ini memerlukan usaha berterusan bagi mengubah dan

mentransformasikan perkhidmatan pos.

Sejak Januari 1985, Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah ahli kepada Kesatuan Pos Sedunia. JPP telah menjalani transformasi yang ketara, seiring dengan perubahan zaman dan keperluan masyarakat.

Selaras dengan Postal Vision 2030 yang telah digariskan oleh Kesatuan Pos Sedunia untuk membentuk sektor pos yang berdaya tahan, inklusif, dan dinamik, NBD juga komited untuk menambah baik perkhidmatan pos.

Dalam era digital ini, perkhidmatan pos di NBD juga terus berkembang. Kini, ramai

pengguna beralih kepada pembelian secara dalam talian. Justeru, keperluan untuk penghantaran fizikal seperti bungkus dan paket kecil kekal relevan dan ia masih mencerminkan permintaan yang berterusan, selari dengan perkembangan Sektor e-Dagang.

NBD tidak terkecuali dan sejak lima tahun kebelakangan, jumlah surat yang diantar telah menurun sebanyak 65 peratus daripada 4.3 juta pada 2019 kepada 1.5 juta pada 2023. Penurunan penghantaran surat berkenaan diimbangi dengan peningkatan penghantaran bungkus dan paket kecil dengan penghantaran bungkus dan paket kecil

berkenaan mendapat sambutan dan permintaan orang ramai secara konsisten sejak lima tahun kebelakangan.

Peluang terus diraih dengan penghantaran domestik bagi penghantaran ubat-ubatan dan dokumen seperti Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan yang mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan.

Alhamdulillah, JPP NBD buat tahun keduanya secara berturut-turut juga telah menerima Anugerah bagi kualiti perkhidmatan pelanggan Express Mail Services (EMS). Ini menunjukkan bahawa jabatan ini

terus cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan dan komited.

Bersempena dengan Memperingati Penubuhan JPP yang Ke-118 Tahun dan Sambutan Hari Pos Sedunia berkenaan, JPP bertekad untuk terus meningkatkan perkhidmatan pos, demi manfaat dan kesejahteraan rakyat serta negara.

Semoga perkhidmatan pos di NBD terus berkembang, berinovasi, dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

**Siaran Akbar : Jabatan Perkhidmatan Pos**

berkenaan mendapat sambutan dan permintaan orang ramai secara konsisten sejak lima tahun kebelakangan.

Peluang terus diraih dengan penghantaran domestik bagi penghantaran ubat-ubatan dan dokumen seperti Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan yang mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan.

Alhamdulillah, JPP NBD buat tahun keduanya secara berturut-turut juga telah menerima Anugerah bagi kualiti perkhidmatan pelanggan Express Mail Services (EMS). Ini menunjukkan bahawa jabatan ini

# Kunci Pembuka Pintu Rezeki

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 7 Rabiulakhir 1446H/11 Oktober 2024M

## Rezeki

- Berusaha untuk mencari rezeki yang halal: **diwajibkan oleh Syara'**
- Cukup ataupun tidak bukanlah diukur dengan kuantitiya semata-mata, tetapi yang penting ialah **keberkatannya**
- Nikmat keberkatan dapat dirasai apabila:
  - ✓ Dimanfaatkan ke arah kebaikan
  - ✓ Digunakan ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT
- Kunci meraih rezeki yang luas dan berkat: berkait rapat bagaimana **hubungan seseorang hamba dengan Allah SWT**

Secara zahirnya, untuk menggapai rezeki dan kejayaan dalam kehidupan, seseorang itu perlulah:

-  Berusaha dan berikhtiar untuk bekerja dengan gigih dan bersungguh-sungguh
-  Memiliki ilmu dan kemahiran sesuai dengan bidang pekerjaan
-  Tidak mudah berputus asa dengan bangkit semula jika ditimpa kegagalan/ujian

**Panduan bagi memperoleh rezeki yang luas dan berkat ada digariskan dalam al-Quran dan Hadith Baginda SAW, antaranya ialah:**



Bertaqwa kepada Allah SWT (mentaati segala perintahNya dan meninggalkan apa yang dilarangNya)



Bertaubat dan beristighfar



Memperbanyak sedekah



Bertawakkal (berserah diri kepada Allah SWT dan berpegang teguh kepadaNya)



Menghubungkan silaturrahim

## APA LAGI YANG BOLEH KITA BUAT?

1

Membetulkan niat bekerja kerana Allah SWT dan untuk menanggung dan mencukupkan keperluan diri sendiri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita

2

Dilarang menyalahkan takdir jika rezeki yang dihajati masih belum diperolehi sedangkan telah banyak doa dan amalan yang sudah dilakukan

3

Meyakini bahawa setiap kita mempunyai bentuk rezeki yang berbeza-beza

# MAJLIS MENYERTU BANGUNAN MASJID BAHARU KAMPUNG JUNJONGAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir sama pada Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu Kampung Junjongan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang menyertai majlis tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

JUNJONGAN, Rabu, 9 Oktober. - Penduduk Kampung Junjongan dan sekitarnya bakal mempunyai sebuah masjid yang baharu yang boleh menampung lebih kurang 1,600 orang jemaah dan dijangka siap pembinaannya pada masa yang terdekat ini.

Sehubungan itu, Majlis Menyertu Bangunan Masjid

Baharu Kampung Junjongan telah berlangsung pagi tadi. Hadir sama pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Bangunan masjid baharu ini dibina atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 3 ekar

dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang berjumlah BND5.2 juta. Pembinaan masjid baharu berkenaan dibina mulai dengan mendirikan tiangnya pada 18 Jun 2022.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam masjid

berkenaan, Awang Mohd. Azri bin Abdullah@Abd. Rahman.

Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu Kampung Junjongan adalah bertujuan untuk memastikan kebersihan dan kesucian bangunan masjid baharu berkenaan sebelum pemasangan permaidani dilaksanakan.

Pelbagai kemudahan disediakan untuk memastikan keselesaan

semua pengunjung, termasuk tandas dan tandas untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), tempat berwuduk serta bilik berwuduk untuk OKU.

Selain itu, masjid baharu ini juga dilengkapi dengan bilik serbaguna, bilik pengurusan jenazah dan tempat letak kereta, termasuk tempat letak kereta khusus untuk OKU.

## Ahli-ahli MMN tinjau tempat bersejarah



PROGRAM Lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke beberapa destinasi pelancongan di Daerah Brunei dan Muara (atas, kiri dan bawah kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

binti Haji Abdul Wahab serta beberapa pegawai kanan KSSUP.

Lawatan rombongan dimulakan dengan ke Muzium Maritim Brunei Darussalam yang merupakan repositori sejarah maritim yang mengandungi peninggalan artifak dan pertukangan maritim daripada pelbagai era. Muzium ini mempunyai tiga galeri di mana salah satu memperkenalkan penemuan Kapal Karam Brunei pada tahun 1997.

Kapal Karam Brunei merupakan satu penemuan yang penting dalam sejarah maritim NBD kerana ia menggambarkan peranan NBD dalam perdagangan maritim dengan negara-negara luar pada akhir Abad Ke-15 sehingga awal Abad Ke-16 Masihi.

Rombongan tersebut meneruskan lagi lawatan ke

Muzium Teknologi Melayu yang mempamerkan teknologi-teknologi tradisi yang digunakan oleh penduduk di Kampong Ayer dan masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan darat. Dari Muzium Teknologi Melayu, lawatan diteruskan ke Jeti Queen Elizabeth II dengan menaiki Kapal Persiaran MV Sentosa.

Kapal tersebut menelusuri beberapa tempat menarik di sepanjang Sungai Brunei. Pulau Kaingaran, Pulau Chermin, dan Tanjung Kindana adalah antara tempat laluan pelayaran sungai yang mempunyai sejarah awal Kesultanan Brunei.

Selain itu, Lumut Lunting, Batu Gasing Awang Semaun, Pulau Sibungor dan Jong Batu yang mempunyai cerita rakyat yang menarik juga dilalui sepanjang pelayaran tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Oktober. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan meneruskan lagi Lawatan bagi Yang Berhormat

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke beberapa destinasi pelancongan di Daerah Brunei dan Muara, hari ini.

Lawatan ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP bagi menyampaikan misi untuk mengangkat Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi pelancongan utama yang memelihara warisan budaya dan semula jadi, selaras dengan prinsip-prinsip kelestarian, di samping membudayakan sektor pelancongan yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Turut serta mengikuti lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty







Perintah Acara Mal  
Mahkamah-Mahkamah  
Syariah 2005

Saman Gantian  
Dalam Mahkamah  
Rendah Syariah

Di Daerah Brunei dan Muara,  
Negara Brunei Darussalam

Saman No :  
BM / MRS / P012A / P012A /  
0714 / 09-2024

Kes Induk :  
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /  
P002A / 0709 / 09-2024

Antara

Nurul 'Ain Farhanah binti Jafery  
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Jafery bin Kassim  
- Defendant / Respondent

Tuntutan :  
Permohonan Berwali Hakim  
Kerana Tidak Dapat Dikesan

Kepada : Jafery bin Kassim,  
No. Kad Pintar : Tidak Diketahui -  
Kuning (Defendant yang dinamakan di atas), Alamat Terakhir : Kampung Sungai Bakong, Lumut, Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada Rabu, 26 Rabiulakhir 1446H bersamaan 30 Oktober 2024M pada jam 9.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas, bagi Permohonan Berwali Hakim kerana Tidak Dapat Dikesan.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :  
27 Rabiulawal 1446H /  
1 Oktober 2024M

Meterai  
Mahkamah Rendah Syariah  
Daerah Brunei dan Muara  
Negara Brunei Darussalam



1. Bilangan Sebut Harga :  
(105) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :  
To Supply And Deliver, Eight (8)  
Table Bookstand (A4 Size)

2. Bilangan Sebut Harga :  
(106) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :  
To Supply And Deliver, Six (6)  
Standing Bookstand  
(Zigzag 6 X A4 Capacity)

3. Bilangan Sebut Harga :  
(107) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :  
To Supply And Deliver, Four (4)  
Customized Table Cloth  
(60" X 29" X 39")

4. Bilangan Sebut Harga :  
(108) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :  
To Supply And Deliver, Four (4)  
Customized Table Cloth  
(71" X 29" X 30")

5. Bilangan Sebut Harga :  
(109) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)



Bilangan Sebut Harga :  
(111) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :  
Membekalkan Tanaman atau Pokok Berserta Tanah dan Baja Yang Bersesuaian Serta Menanam, Menghias dan Menjaga Landskap Di Kawasan Tepi Kiri, Kanan Serta Bahagian Depan, Bangunan Asal Jabatan Penerangan dan Di Kawasan Tepi Kiri Serta Kanan Pintu Utama, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Yuran :  
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
17 Oktober 2024  
Jam 8.00 Pagi



Tajuk Sebut Harga :  
To Supply, Deliver, And Installation Backdrop Banner

6. Bilangan Sebut Harga :  
(110) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :  
To Supply And Deliver, Six (6)  
Standing Pullup Banner  
(31" X 78')

Yuran :  
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :  
17 Oktober 2024, 8.30 Pag



Tawaran Kastam Bil. 15/2024

Tawaran Bagi Pembekalan Pengimbas QR Untuk Kegunaan Sistem Customs.Bn dan Control Post System (CPS) Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
22 Oktober 2024  
Jam 2.00  
Petang



Tawaran Kastam Bil. 16 / 2024

Tawaran Bagi Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Uji Cuba, Pentaluhan dan Jaminan Untuk Network Attached Storage (NAS), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
22 Oktober 2024  
Jam 2.00  
Petang



c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 Julai 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bawaha satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 10 September 2024, jam 9.30 Pag.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 10 September 2024, jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :  
30 Julai 2024

Nurul Hidayah binti Hamdan  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :  
20 April 2024

Kes No.  
BCY / CP / 232 / 2005

NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
KETIGA

Nama Penghutang : Dayang Muraini binti Haji Md. Ali – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC No.: 00-078186). Alamat - No 1011, Kg. Padnunok Tutong, Negara Brunei Darussalam.  
Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam.  
Nombor - Kebankrapan Bil. 232 Tahun 2005. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 71%. Pertama atau terakhir selainnya - Ketiga Bila Kena Dibayar - 11 Julai 2024. Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 23

>> Muka 22

Tarikh :  
31 Julai 2024

KES NO.  
BCY/CP/238/2016

BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
-Pemutang / Pemetsyen

MUHAMMAD ROSLAN BIN  
ABDUL RAHMAN BANTAH @  
ROSLANI BIN BANTAH  
[BYIC NO. 00-303722]  
-Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH  
PENGHUKUMAN

Sila Ambil Perhatian bahawa:  
a. Satu Perintah Penghukuman  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **27 April 2024**.

**Nama dan alamat :**  
MUHAMMAD ROSLAN BIN  
ABDUL RAHMAN BANTAH @  
ROSLANI BIN BANTAH,  
No. 617, Kampung Panchong,  
Jalan Rambai, Tutong. TG 3143.  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
16 Disember 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada Bankrap yang tersebut di  
atas hendaklah menghadapkan  
Borang-Borang Bukti Hutang yang  
boleh diperoleh di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar oleh Bankrap  
tersebut di atas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,  
Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh:**  
18 Mei 2024

KES NO.  
BCY/CP/238/2016

BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
-Pemutang / Pemetsyen

ZULKIFLI BIN ALI  
[BYIC NO. 01-074985]  
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH  
PENGHUKUMAN

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **13 Julai 2024**.

**Nama dan alamat :**  
Zulkifli bin Ali,  
No. 2, Kampung Bakiau,  
Tutong. TE1143.  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**  
27 Jun 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada Bankrap yang tersebut di

atas hendaklah menghadapkan  
Borang-Borang Bukti Hutang yang  
boleh diperoleh di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar oleh Bankrap  
tersebut di atas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,  
Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan, Negara  
Brunei Darussalam.**

**Tarikh:**  
30 Julai 2024

KES NO.  
BCY/CP/244/2023

BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
-Pemutang  
Penghakiman/Pemetsyen

**MOHAMMAD FAEZ  
BIN KAMALLUDDIN  
( BYIC NO. 01-062643 )**  
– Penghutang  
Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH  
PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **25 April 2024**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:**

**MOHAMMAD FAEZ BIN  
KAMALLUDDIN**  
Simpang 472, Lot 210,  
Kampung Betumpu Masin,  
Jalan Bengkurong Masin  
BH 2723.  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
10hb Oktober 2023

b) Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas  
hendaklah menghadapkan  
borang-borang bukti hutang  
yang boleh diperoleh di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi  
dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut diatas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat Dua, Bangunan  
Mahkamah Besar, Bandar Seri  
Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
18 Mei 2024

KES NO.  
BCY/CP/187/2023

– Penghutang  
Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH  
PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **18 Julai 2024**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:**

**HAJAH RUSINAH  
BINTI HAJI SABTU**  
Simpang 24, Simpang 33,  
Perpindahan Mentiri Jalan Kota  
Batu, BU2919,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
28 Mei 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan  
borang-borang bukti hutang  
yang boleh diperoleh di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi  
dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut  
di atas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,  
Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
31 Julai 2024

**Nuuror-Raheebah  
Haji Abd Wahab**  
Timbalan Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Brunei Darussalam

**KES NO.**  
BCY/CP/187/2023

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI**  
– Pemutang  
Penghakiman/Pemetsyen

**HAJI AWANG JABBAR  
BIN HAJI AWANG TENGAH  
( BYIC NO. 00-283713 )**  
– Penghutang Penghakiman /  
Penentang

NOTIS PERINTAH  
PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **23 Mei 2024**.

**Nama dan alamat  
terakhir diketahui:**  
**HAJI AWANG JABBAR  
BIN HAJI AWANG TENGAH**  
No.30, Simpang 94,  
Kampung Pancha Delima,  
Berakas BB4513  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
3 Februari 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan  
borang-borang bukti hutang  
yang boleh diperoleh di Pejabat  
Pegawai Penerima Rasmi dengan  
seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut  
di atas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,  
Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
30 Julai 2024

**Notis Kepada Pemutang  
untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **23 Mei 2024**.

Notis adalah dengan ini  
diberikan bahawa satu  
perjumpaan pemutang-pemutang  
mengenai perkara di atas akan  
diadakan di **Pejabat Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat 1,  
Bilik (L1-13), Mahkamah Besar  
pada 26 September 2024,  
jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu  
mengundi di sana bukti-bukti

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
**26 September 2024, jam 9.00  
Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang  
yang telah menyerahkan bukti,  
atau wakil-wakilnya yang diberi  
kuasa secara bertulis, bolehlah  
menyoal penghutang semasa  
pemeriksaan awam penghutang,  
mengenai hal-halnya dan  
juga sebab kegalannya.

**Bertarikh :**  
30 Julai 2024

**Pg. Siti Nursu'aidah  
binti Pg. Jufrizar @Pg. Tajuddin  
Timbalan Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Brunei Darussalam**

>> Muka 24

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBungi  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

## &gt;&gt; Muka 23

**KES NO.**  
**BCY/CP/232/2014**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)  
– Pemutang  
Penghakiman/Pemetisyen

**HAJAH AMINAH**  
**BINTI HAJI MUNAP**  
BYIC No. 00-062250  
– Pengutang  
Penghakiman/Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**  
Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **24 Januari 2015** telah dibatalkan pada **27 April 2024**.

**Nama Penghutang:**  
Hajah Aminah binti Haji Munap

**Alamat Penghutang:**  
No. 2, Simpang 451,  
Kg. Batong, Pengkalan Batu,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
16 Mei 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/554/2016**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**NUR TAILLAH**  
**BINTI MOHD ZAINI**  
BYIC No. 00-304443  
– Pengutang  
Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 April 2017** telah dibatalkan pada **4 Mei 2024**.

**Nama Penghutang:**  
Nur Taillah binti Mohd Zaini

**Alamat Penghutang:**  
No. 6, Simpang 184,  
Kampung Sungai Besar,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
16 Mei 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/260/2018**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**ADI HAYATI**  
**BINTI HAJI JOHARI**  
BYIC No. 00-309183  
– Pengutang  
Penghakiman/Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **22 November 2018** telah dibatalkan pada **4 Mei 2024**.

**Nama Penghutang:**  
Adi Hayati binti Haji Johari

**Alamat Penghutang:**  
No. 1, Simpang 484-25,  
Jalan Jerudong,  
Kampung Peninjau, BG3527,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
18 Mei 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/170/2012**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**ARABI MULFHASAL**  
**BIN ABD RAPPAR**  
BYIC No. 00-261919 /  
**Waran Kad No. 3100**  
– Pengutang  
Penghakiman/Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 April 2013** telah dibatalkan.

**Nama Penghutang:**  
Arabi Mulhasal bin Abd Rappar

**Alamat Penghutang:**  
No. 5, Block E,  
Barek Polis Berakas,  
Berakas BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
21 Mei 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/7/2024**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**TAISAH BINTI HAJI IBRAHIM**  
BYIC No. 00-052050  
– Pengutang  
Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Mei 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

TAISAH BINTI HAJI IBRAHIM  
No. 10, Spg. 59-23,  
Perpindahan Kg. Mentiri,  
Jalan Kota Batu,,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
10 April 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
21 Mei 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/15/2024**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**SUMARDI**  
**BIN ABDUL RAHMAN**  
BYIC No. 00-269654  
– Pengutang  
Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 Julai 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

SUMARDI BIN ABDUL RAHMAN  
No. 29, Jalan 51,  
Kg. Perpindahan Negara  
Kg. Rimba, Gadong,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
27 Meil 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
7 Ogos 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/98/2024**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMAD MUIZZUL AZHAR**  
**BIN HAJI NOORDIN**  
BYIC No. 01-037427  
– Pengutang  
Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan

telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 Julai 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

MOHAMAD MUIZZUL AZHAR  
BIN HAJI NOORDIN  
No. 14, Simpang Jalan  
Perkuburan Lugaan Limidi  
Jalan Kulapis Panchor Murai  
BH3123,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
11 Jun 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
7 Ogos 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/310/2023**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**HJH KARTIKA**  
**BINTI HAJI AHMAD**  
( BYIC NO. 00-263792 )  
– Pengutang  
Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 Mac 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

HJH KARTIKA  
BINTI HAJI AHMAD  
No.16, Simpang 273,  
Kampung Mulaut, Jalan Mulaut,  
Sengkurong,  
Mukim Sengkurong BG2121  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
9 Mac 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bandar Seri Begawan,**  
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**  
7 Ogos 2024

**Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **21 Mac 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 11 September 2024, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi pengutang adalah ditetapkan **11 September 2024, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan pengutang semasa pemeriksaan awam pengutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

**Bertarikh :**  
7 Ogos 2024

**KES NO.**  
**BCY/CP/489/2011**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
– Pemutang  
Penghakiman / Pemetisyen

**AHMAD UMAR BIN KERIA**  
BYIC No. 00-069540 –  
Pengutang  
Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**  
Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **5 Julai 2012** telah dibatalkan pada **1 Ogos 2024**.

**Nama Pengutang:**  
Ahmad Umar bin Keria

**Alamat Pengutang:**  
No. 84, Simpang 64,  
Kampung Sengkarai,  
Tutong TA2341,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
7 Ogos 2024

**FATIN FIKRIYAH**  
**BINTI HAJI ROSLI**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

# Sesi Dialog, Lawatan Kerja wadah perbincangan, perkongsian fikiran

**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima rombongan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Sesi Dialog dan Lawatan Kerja bersama dua buah jabatan di bawah KKBS, iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS).

Sesi Dialog dan Lawatan Kerja ini diadakan secara berasingan.

Pada sebelah pagi, Sesi Dialog dan Lawatan Kerja bersama JAPEM diadakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS dan pada sebelah petang, Sesi Dialog dan Lawatan Kerja bersama JBS diadakan di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Bagi sebelah pagi, Sesi Dialog dan Lawatan Kerja bersama JAPEM dimulakan dengan lawatan dan penerangan beberapa bahagian iaitu Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sains Sukan, Hab Belia dan Galeri Sukan.

Seterusnya, selesai lawatan, Sesi Dialog antara Ahli-ahli MMN dan JBS dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat.

Seterusnya, majlis disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim yang menyentuh mengenai usaha-usaha dan pencapaian Sektor Kesukanan dan melalui Sesi Dialog seumpama ini juga, nasihat, teguran dan pandangan yang berharga daripada Ahli-ahli Yang

Muhammad Nabil bin Haji Roslan. Seterusnya, majlis disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah, Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak yang menekankan kepentingan rangkaian strategik serta platform yang telah dibina dan dibangunkan bersama agensi-agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam menggalas tanggungjawab besar jabatan ini dalam memeduli kesejahteraan dan membantu golongan yang memerlukan bantuan.

Sesi Dialog bersama JBS dimulakan dengan lawatan dan penerangan beberapa bahagian iaitu Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sains Sukan, Hab Belia dan Galeri Sukan.

Seterusnya, selesai lawatan, Sesi Dialog antara Ahli-ahli MMN dan JBS dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat.

Seterusnya, majlis disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim yang menyentuh mengenai usaha-usaha dan pencapaian Sektor Kesukanan dan melalui Sesi Dialog seumpama ini juga, nasihat, teguran dan pandangan yang berharga daripada Ahli-ahli Yang



**YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bergambar ramai semasa Sesi Dialog dan Lawatan Kerja berkenaan.**

## Manfaatkan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 11 Oktober. - Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali berkata bahawa kita kini berada di ambang era baharu dalam transformasi Perkhidmatan Awam di mana dalam era pertukaran idea tanpa mengenal sempadan dan kebijaksanaan kolektif menjadi pemungkin dalam perubahan.

Sepanjang tahun jelasnya, setiap negara memulakan perjalanan masing-masing untuk memodenkan dan meningkatkan sektor awam. Perkara demikian dijelaskan semasa Program Pembangunan Kepimpinan Brunei-Malaysia-Singapura (LDP) Ke-15 yang kini diadakan di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula hari ini.

"Program ini menawarkan kita peluang yang unik. Peluang untuk mendalami pelbagai aspek transformasi Perkhidmatan Awam. Dari tadbir urus digital hingga pembangunan sumber manusia, daripada inovasi dasar hingga amalan mampan - skop perbincangan kita akan merangkumi pelbagai topik yang amat penting," ujarnya pada program yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), hari ini.

Dalam ucapannya lagi, Pengiran Haji Raffizanna turut menekankan beberapa bidang utama iaitu pertama, tadbir urus digital di mana dalam era kemajuan teknologi yang pesat ini, bagaimana kita dapat memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memperkuat penglibatan warganegara.

Kedua tambahnya, pembangunan sumber manusia di mana rakyat adalah aset terpenting kita dan bagaimana kita boleh membangunkan tenaga kerja yang tangkas, inovatif dan sedia untuk masa depan.

Beliau menambah, ketiga, inovasi dasar. Dalam dunia cabaran kompleks, bagaimana kita dapat merangka dasar yang bukan sahaja berkesan tetapi juga transformasi.

"Selain itu, kita harus meneroka nilai strategik perkongsian awam-swasta, melaksanakan amalan tadbir urus yang mampan, menguasai pengurusan perubahan yang berkesan dan membangunkan sistem pengurusan prestasi yang kukuh. Tambahan pula, kita mesti mengutamakan reka bentuk berfokuskan warganegara, memastikan bahawa keperluan dan perspektif orang yang kita layani tetap menjadi tumpuan dalam segala yang kita lakukan," ujarnya lagi.

Seramai 30 penjawat awam dari NBD, Malaysia dan Singapura dipilih untuk mengikuti program tersebut. Dengan membawakan tema 'Building Our Future Together', LDP Siri Ke-15 kali ini dijalankan dalam tempoh 12 hari bermula 7 hingga 18 Oktober 2024.

Program bermula di Malaysia di mana para peserta dari Singapura dan NBD mengunjungi Malaysia pada 7 hingga 10 Oktober dan program beralih ke NBD hari ini untuk pusingan kedua sebelum menuju ke Singapura bagi pusingan terakhir pada 16 Oktober 2024.

Program tahunan itu mula dilancarkan pada November 2009 di mana ia dihasilkan agar dapat memberi peluang kepada peserta dari tiga negara untuk bertukar fikiran dan berkongsi amalan terbaik antara satu sama lain dalam menyediakan inisiatif dan dasar ke arah perkhidmatan awam yang dinamik lagi berdaya tahan ke arah mencapai matlamat dan agenda negara.

Program itu juga diharap dapat membentuk pemimpin yang mampu mengubah strategi menjadi tindakan serta memperkuat jaringan individu serta mengukuhkan lagi kerjasama masa depan antara ketiga-tiga buah negara.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman dan Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh serta pegawai-pegawai dari JPM dan IPA.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bergambar ramai pada Program Pembangunan Kepimpinan Brunei-Malaysia-Singapura (LDP) Ke-15.**

## MENGUKUHKAN KESEPADUAN, KERJASAMA NEGARA ANGGOTA ASEAN, AIPA



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara menghadiri Mesyuarat ASEAN-AIPA Leaders' Interface Kali Ke-13.**

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO**, Khamis, 10 Oktober. - Mesyuarat ASEAN-AIPA Leaders' Interface Kali Ke-13 sempena berlangsungnya Sidang-sidang Kemuncak ASEAN kali Ke-44 dan Ke-45 telah diadakan pada 9 Oktober 2024, bertempat di National Convention Centre, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diwakili oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Mesyuarat ASEAN-AIPA Leaders' Interface merupakan landasan tahunan di peringkat

tertinggi bagi menjalinkan perhubungan dan berinteraksi serta berkonsultasi untuk mengukuhkan kesepadan dan kerjasama yang erat di antara Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Anggota ASEAN dan Parlimen Negara-negara Ahli ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA).

Terdahulu, Mesyuarat Persediaan bagi Mesyuarat ASEAN-AIPA Leaders' Interface Kali Ke-13 telah pun diadakan antara Ketua-ketua Delegasi Negara-negara Ahli AIPA dan perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkesempatan untuk mengongsikan beberapa input kepada Mesej AIPA. Hasil daripada mesyuarat

berkenaan, Mesej AIPA telah pun dipertimbangkan dan dipersetujui bersama secara sebulat suara.

Semasa Mesyuarat ASEAN-AIPA Leaders' Interface Kali Ke-13 diadakan, President of the National Assembly of Lao PDR selaku Presiden AIPA Kali Ke-45 telah pun menyampaikan Mesej AIPA di hadapan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Anggota ASEAN dan Ketua-ketua Delegasi Negara-negara Ahli AIPA.

Mesej AIPA berkenaan telah pun disambut baik dan direspon oleh beberapa Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Anggota ASEAN dan secara keseluruhan telah mengambil baik usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh AIPA dan percaya peranan AIPA akan kekal relevan dalam merealisasikan matlamat ASEAN.

# YEAB, PPPMB SEPAKAT MENDUKUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN BELIA



PERSATUAN Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei - YEAB) dan Persekutuan Peniaga-peniaga Melayu Brunei (PPPMB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPMB.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 Oktober. - Dalam satu langkah penting ke arah memperkuuh kerjasama antara usahawan muda dan perniagaan yang sudah mampam, Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei - YEAB) dan Persekutuan Peniaga-peniaga Melayu Brunei (PPPMB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPMB.

MoU ini mengukuhkan komitmen

jangka panjang antara kedua-dua organisasi, untuk bekerjasama rapat dalam inisiatif yang akan memperkasakan belia dan usahawan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

YEAB diwakili oleh Presiden YEAB, Goh Chai Li; dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, selaku Naib Presiden YEAB II.

Mewakili PPPMB ialah Presiden PPPMB, Dr. Haji Abd. Latif bin Haji

Chuchu dan Timbalan Presiden Ekonomi, Rizan Latif.

Ini menandakan detik penting dalam misi bersama mereka untuk menyokong keusahawanan, menggalakkan pembangunan ekonomi dan membina jambatan untuk profesional muda.

YEAB dan PPPMB mengiktiraf kepentingan mewujudkan ekosistem dinamik di mana perniagaan yang mantap boleh memupuk bakat muda, dan di mana usahawan boleh berkembang maju dengan meneroka peluang untuk pertumbuhan.

Perkongsian itu mencerminkan matlamat bersama kedua-dua organisasi dalam memajukan keusahawanan, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian itu, YEAB dan PPPMB akan berusaha untuk memastikan penglibatan bersama dalam aktiviti dan inisiatif masing-masing. Ini bermakna ahli daripada kedua-dua organisasi akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam program, bengkel dan acara yang berkaitan.

Hasratnya adalah untuk meningkatkan jangkauan dan impak inisiatif yang bertujuan untuk memupuk bakat keusahawanan dan mempromosikan kejayaan perniagaan.

Pendekatan ini direka bentuk, untuk memupuk interaksi yang

lebih besar antara pemimpin perniagaan yang mapan dan usahawan yang akan datang, memudahkan perkongsian pengetahuan dan peluang bimbingan.

Selain itu, kedua-dua organisasi komited, untuk bekerjasama dalam inisiatif bersama, serta bekerjasama dalam program sedia ada yang sejarah dengan matlamat mereka.

Sama ada di peringkat tempatan, serantau atau antarabangsa, YEAB dan PPPMB menyasarkan, untuk menggalakkan pembangunan belia dan usahawan muda dengan memanfaatkan kepakaran kolektif mereka.

Ini boleh merangkumi segala-galanya daripada program latihan keusahawanan, kepada persidangan yang menghimpunkan minda muda dari seluruh ASEAN dan seterusnya.

Rangkaian juga akan menjadi tumpuan utama di bawah perkongsian ini. Kedua-dua YEAB dan PPPMB akan secara proaktif mewujudkan peluang rangkaian untuk ahli-ahli mereka, membolehkan mereka berhubung, berkongsi idea dan menjalin perkongsian baharu.

Persatuan mengiktiraf peranan penting, yang dimainkan oleh rangkaian kukuh dalam kejayaan perniagaan dan akan berfungsi, untuk memudahkan interaksi

sedemikian melalui acara dan platform yang menggalakkan kerjasama dan dialog terbuka antara ahli.

Satu lagi aspek utama MoU ialah komitmen untuk menyediakan peluang kepada ahlinya untuk menerokai prospek pembangunan perniagaan.

YEAB dan PPPMB akan secara aktif mempromosikan saluran kerjasama antara ahli mereka, menggalakkan usahawan dan pemimpin perniagaan untuk mempertimbangkan usaha niaga baharu, perkongsian dan inovasi yang boleh memacu perniagaan mereka ke hadapan.

Dengan mewujudkan akses kepada peluang-peluang ini, perkongsian itu bertujuan untuk merangsang pertumbuhan dan keusahawanan dalam ekonomi Brunei.

MoU itu mewakili pakatan strategik yang kedua-dua YEAB dan PPPMB percaya akan mewujudkan faedah yang berkekalan untuk ahli mereka.

Dengan bekerjasama, untuk memupuk budaya keusahawanan, inovasi dan pertumbuhan perniagaan, kedua-dua organisasi berharap, dapat menyumbang secara signifikan kepada landskap ekonomi Brunei, serta kepada inisiatif serantau yang memfokuskan, kepada pembangunan belia dan usahawan.

## Perkuuhkan pemahaman terhadap pensejarahan negara



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**  
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 9 Oktober. - Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Shuib yang memperserahkan pidato bertajuk 'Menanai Kedaulatan Negara Melalui Penghayatan Sejarah' dinobatkan sebagai johan keseluruhan dengan membawa pulang Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Pertandingan Pidato Sejarah dan sekali gus merangkul johan bagi Kategori 'A' pada Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Kali Ke-4, Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei (PSB), di sini.

Awang Muhammad Iqbaal Syakib mendapat 84.60 peratus markah dan memenangi hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, piala iringan, sijil penyertaan dan hadiah-hadiah tajaan.

Sementara itu, johan Kategori 'B'

yang mendapat 75 peratus markah, dimenangi oleh Dayangku Nurul Farah binti Pengiran Noor Rumaizi dan memenangi hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, piala iringan, sijil penyertaan dan hadiah-hadiah tajaan.

Sementara itu, naib johan Kategori 'A' disandang oleh Dayang Nurkhairah Afiqah binti Metamit dengan mendapat 81.35 peratus markah, diikuti Awang Muhd. Syahir Aqil bin Haji Muhd. Saiful Nurrizam di tempat ketiga yang mendapat 71.50 peratus markah.

Manakala naib johan Kategori 'B' yang mendapat 74.85 peratus markah dimenangi oleh Awang Mohd. Khairul A'fifi bin Awang Abu Hanafiah, disusuri dengan tempat ketiga yang disandang oleh Awang Muhammad Adam Ramadhani bin Alif Akhari dengan mendapat 71.5 peratus markah.

Naib johan bagi kedua-dua

kategori menerima wang tunai sebanyak BND700, piala iringan, sijil penyertaan dan hadiah-hadiah tajaan.

Bagi tempat ketiga pula, para pemenang menerima wang tunai sebanyak BND500, piala iringan, sijil penyertaan dan hadiah-hadiah tajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Terdahulu itu, Pemangku Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh, selaku Pengerusi Majlis, dalam ucapan alu-aluananya antara lain mengongsikan, dalam usaha untuk terus memperkenal dan mengembangkan PSB sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei, jabatan berkenaan telah meneruskan pelbagai prakarsa yang positif bagi menyuntik semangat dan memupuk kesedaran dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini tentang kepentingan pencejarahan negara untuk diketahui, dipelajari, difahami dan dihayati.

Oleh itu tambahnya, perancangan strategik dan pendekatan baharu yang sesuai terus difikirkan bagi memastikan pencejarahan negara terus dipelihara, dipertahankan, diperkuuh dan dikembangluaskan lagi bagi menempuh cabaran dan hambatan dalam era globalisasi masa kini.

Oleh yang demikian terangnya lagi, Pertandingan Pidato Sejarah pada pagi ini merupakan salah satu usaha dan inisiatif PSB untuk

memasyarakatkan pencejarahan negara kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini terutama sekali kepada generasi belia yang merangkumi pelajar-pelajar dari sekolah menengah, pendidikan tinggi dan mahasiswa mahasiswi di peringkat universiti.

Menerusi pertandingan itu tekannya, para peserta berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan dan memperkuuhkan lagi pemahaman mereka terhadap pencejarahan negara.

Malahan jelasnya, mereka juga dapat mengembangkan kemahiran dan kecekapan dalam membuat sebarang penilaian dan tafsiran terhadap sumber-sumber sejarah yang berasaskan kepada kaedah penyelidikan, kajian dan analisa sejarah yang dipraktikkan di jabatan ini.

Dalam masa yang sama juga katanya, pertandingan ini mampu menjadikan sejarah sebagai satu bidang yang menarik untuk dipelajari, serta berpotensi melahirkan generasi belia yang cekap dan menghargai nilai sejarah yang menjadi lambang kepada jati diri dan identiti negara kita.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang; diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada empat panel hakim iaitu Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, Dr. Siti Badriyah binti Haji Mohd. Yusof, Haji Rosli @ Ismail bin Haji Ampal dan Mohammed Zefri Ariff bin Mohammed Zain Arif serta penyampaian sijil penghargaan kepada penaja, dan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat.

Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia

dan Sukan Kali Ke-4, Tahun 2024 dianjurkan oleh PSB dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), yang bertemakan 'Sejarah Pemangkin Kemajuan Negara'.

Seramai 10 peserta daripada 43 peserta, berjaya mara ke peringkat akhir selepas melalui peringkat saringan yang telah diadakan pada 2, 4 dan 6 Julai 2024 di Dewan Jawatan Dalam, PSB.

Lima peserta daripada Kategori 'A' iaitu belia berumur 18 hingga 35 tahun terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) berbangsa Melayu dan bukan Melayu, dan lima peserta daripada Kategori 'B' iaitu pelajar Tahun 9, Tahun 10 dan Tahun 11 sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta di NBD.

Peserta mempersembahkan tajuk pidato masing-masing melalui pengundian awal.

Dalam pertandingan itu, para peserta menyampaikan pandangan dan ulasan yang bernas hasil penyelidikan dan kajian sejarah mengenai suatu peristiwa bersejarah di NBD.

Pandangan dan ulasan tersebut disampaikan kepada khalayak ramai melalui pengucapan atau penghujahan yang kreatif khususnya dalam menghubungkan masyarakat umum dengan sejarah bangsa dan negara.

Pengetahuan, pembelajaran dan penghayatan mengenai sejarah negara akan dapat memberikan kesedaran kepada generasi belia tentang nilai sejarah bagi kesejahteraan dan pembangunan negara, dan seterusnya memupuk, menanam dan mengukuhkan lagi perasaan taat setia dan cintakan raja, agama, bangsa dan negara.

# MEMBANGUN PENYELESAIAN INOVATIF, KONGSI AMALAN TERBAIK



**SETIAUSAHA** Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar atas kanan, sekitar forum yang berlangsung di Laksamana College of Business.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Oktober. – Menyokong kesejahteraan pendidik dan mengutamakan kesihatan mental di tempat kerja menjadi fokus utama dalam perbincangan forum anjuran Cureheart sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 yang disambut pada setiap 10 Oktober di seluruh dunia.

Acara forum 'Nurturing Heart : Supporting Educator's Well-being' berkenaan dihasilkan untuk memperkasa individu bagi mendapatkan bantuan, berkongsi pengalaman mereka dan menyokong antara satu sama lain melalui perjalanan kesihatan mental mereka di samping bekerjasama dengan pakar kesihatan mental, organisasi dan anggota masyarakat untuk

membangun penyelesaian inovatif dan berkongsi amalan terbaik.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Laksamana College of Business (LCB) berkenaan, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pengasas Cureheart, Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas, dalam ucapannya berkata, kita menyedari bahawa menjaga kesihatan mental bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan yang mesti diutamakan, terutamanya dalam memastikan para guru kita berada dalam keadaan yang sejahtera, baik dari segi mental maupun emosi.

"Sebagaimana kita mengutamakan pencapaian



akademik pelajar, sudah tiba masanya kita memberikan perhatian yang sama kepada kesihatan mental di tempat kerja khususnya di persekitaran institusi pendidikan yang bersesuaian dengan tajuk perbincangan hari ini.

"Para pendidik kita mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik generasi masa depan, dan kesejahteraan mereka harus diberi keutamaan agar mereka dapat terus berkhidmat dengan cemerlang, bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga sebagai pembimbing dan contoh teladan kepada pelajar dan anak-anak kitani."

"Guru bukan saja sebagai pembimbing tetapi juga sebagai inspirasi, *role model* dan pendorong kepada anak-anak kita untuk mencapai potensi tertinggi mereka. Mereka memainkan peranan penting dalam membentuk bukan sahaja kecemerlangan akademik tetapi juga nilai-nilai murni dan akhlak

generasi muda yang akan menerajui masa depan negara," tegasnya.

Pada acara berkenaan, forum pertama bertajuk 'Melindungi Pendidik dan Guru Pendidikan Khas : Memelihara Mereka yang Memudzi' (Safeguarding Educators and Special Needs Educators : Nurturing those who care) menampilkan para ahli panel terdiri daripada Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Siti Norhedayah binti Haji Abdul Latif; dan Pakar Bersekutu dalam Psikiatri, Perunding Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja, Kementerian Pendidikan, Dr. Sahaheen Zinna binti Dato Paduka Dr. Haji Shaukat Zinna.

Sesi Dialog yang dikendalikan oleh Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh dari Young Professionals Network Brunei selaku Moderator

berkenaan antara lain memberi tumpuan kepada keunikan cabaran bagi profesional berkenaan dan langkah penting untuk melindungi mental, emosi dan kesihatan fizikal.


Manakala forum kedua bertajuk 'Menetapkan Sempadan di Tempat Kerja : Menangani Hal Ehwal, Kerohanian dan Kesihatan Mental (Setting Boundaries in the Workplace: Navigating Affairs, Spirituality, and Mental Health)' pula menampilkan penceramah panel Presiden, Persatuan Sumber Manusia, Hajah Zainab M A Omar; dan Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali manakala Fadli Zaini dari YPN Brunei selaku Moderator forum.

Forum antara lain membincangkan pelbagai cabaran hubungan di tempat kerja dan menetapkan sempadan yang sihat menggunakan pelbagai strategi dan sokongan termasuk aspek rohani.

## Tingkatkan kawalan kendiri dalam membanteras jenayah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Oktober. - Bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada keterlibatan dalam jenayah dan implikasi sosial, Jabatan Penjara Brunei Darussalam pagi tadi mengadakan Acara Wacana Intelektual yang julung kali diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Acara Wacana Intelektual yang bertajuk 'Lemah Kawalan Kendiri dan Faktor Persekitaran Terhadap Perlakuan Jenayah' disampaikan oleh Profesor Adjung Antropologi dan Sosiologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Yang Berbahagia Datuk Dr. Zafari bin Zulkifli berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Dalam Wacana Intelektualnya, Yang Berbahagia Datuk Dr. Zafari menyentuh mengenai pengalamannya semasa

menjalankan beberapa penyelidikan yang berkaitan dengan Teori Low Self Control (LSC) yang diperkenalkan oleh Gottfredson dan Hirschi pada tahun 1990, di mana beliau menemui buah seramai 181 banduan lelaki di Penjara Kajang, Selangor dalam tempoh lapan bulan.

Hasil daripada temu buah tersebut tambahnya, antara dapat yang dapat dirumuskan adalah individu yang lemah kawalan kendiri cenderung terlibat di dalam pelbagai jenis jenayah, seperti jenayah harta benda, kekerasan, buli, pengganas, ekstremisme, jenayah siber dan sebagainya.

Selain itu, Yang Berbahagia Datuk Dr. Zafari juga turut mengongsikan mengenai Teori Rutin Aktiviti yang dikemukakan oleh Marcus Felson dan Lawrence E. Cohen pada tahun 1979, yang



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu khas pada Acara Wacana Intelektual tersebut (atas), manakala gambar atas kiri, Wacana Intelektual disampaikan oleh Profesor Adjung Antropologi dan Sosiologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Yang Berbahagia Datuk Dr. Zafari bin Zulkifli.

menjelaskan bahawa jenayah berlaku akibat tiga elemen utama iaitu pertama, penjenayah yang termotivasi; kedua, sasaran yang sesuai; dan ketiga, kurang kawalan daripada penjaga.

Hadir selaku tetamu khas pada Acara Wacana Intelektual tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon. Acara turut dihadiri oleh seramai 200 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu dan ketua kampung, korporat dan ahli akademik.

Acara Wacana Intelektual itu dijalankan dengan sokongan rakan strategik KHEDN, iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di

bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat mereka, serta sumbangan Sustainable Development Goals (SDG), selaras dengan mandat keseluruhan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, Maqasid Syariah serta 'Taat kepada Raja' sebagai prinsip panduan utama BIBD.

Dengan adanya Wacana Intelektual itu diharap agar seluruh warga Jabatan Penjara akan mendapat manfaat dari segi kefahaman akan perihal mustahaknya meningkatkan kawalan kendiri, dalam sama-sama membanteras jenayah daripada terus meningkat sekali gus mengurangkan kadar *recidivism* ataupun kemasukan semula pesalah ke penjara.

Dalam masa yang sama, pihak

yang berkepentingan untuk bekerjasama dan terus menggembungkan tenaga dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan ke arah mencapai masyarakat yang penuh bertanggungjawab, taat kepada undang-undang negara di dalam pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Adalah juga diharapkan agar kita semua dapat menyumbangkan bakti kepada masyarakat dan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.



## DIHUKUM DENDA, PENJARA AKIBAT MILIKI BARANG TEGAHAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Oktober. - Majistret Syaffina binti Shahif memerintahkan seorang lelaki warganegara tempatan berumur 38 tahun membayar denda sebanyak BND5,000 atau dijatuhan hukuman lima bulan pemerintahan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Sofian bin Bujong mengaku bersalah terhadap satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Kastam 2006 kerana memiliki 13 unit vape pelbagai jenis, empat botol vape jus tanpa permit dan kebenaran yang sah serta wang tunai sebanyak BND996.

Defendant ditangkap oleh Bahagian Pengawal Kelembagaan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Bandar Seri Begawan di kawasan Kedai Orbit Supermarket Salambigar.

Semua barang yang terlibat, iaitu vape, vape jus dan wang tunai berjumlah BND996 dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

## Dipenjara, sebat atas kesalahan mencabul

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Oktober. - Akibat perbuatan tidak senonoh, seorang lelaki warga tempatan (defendant) dijatuhan hukuman penjara tiga tahun dan empat bulan serta dua kali sebatan di Mahkamah Majistret, hari ini.

Majistret Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Pengiran Shahirul Hamadi bin Pengiran Haji Jaya, 37 tahun selepas mengaku bersalah atas satu pertuduhan mencabul kehormatan seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di sebuah masjid.

Berdasarkan fakta, defendant telah melakukan perbuatan yang tidak senonoh ke atas mangsa pada 31 Ogos 2024, ketika mangsa berada di masjid tempat ruang perempuan.

Selepas kejadian tersebut, mangsa berasa cemas dan terus berlari kepada bapanya yang ketika berada di tempat letak kereta masjid berkenaan.

Defendant melarikan diri dari tempat kejadian dan diberkas oleh Pasukan Polis Diraja Brunei pada 3 September 2024. Ketika menjatuhkan hukuman, mahkamah menegaskan kesalahan itu amat berat dengan menyatakan pencabulan maruah dan integriti mangsa kanak-kanak.

Mahkamah juga turut menunjukkan faktor yang membantu kesalahan di mana

kejadian ini berlaku di masjid kerana masjid adalah tempat beribadah dan sebuah tempat yang selamat serta tindakan defendant tersebut adalah sesuatu yang tidak boleh diterima.

Pihak mahkamah bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa tindakan defendant

menunjukkan corak tingkah laku yang tidak baik dan hukuman pencegahan adalah perlu.

Tambah pula, defendant tidak belajar daripada pemerintahannya yang lalu, sebelum ini disabitkan pada 2018 atas kesalahan serupa.

Pendakwaan kes tersebut dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Haji Kiprawi.

جاین فانځن ایکونومی دن ستاتیسٹک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAH PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

#### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

#### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# TREND Matcha menjadi pilihan



**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**  
**Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Ihsan Laze Cafe**

**S**ERBUK Matcha telah menjadi minuman yang semakin popular di seluruh dunia meskipun telah lama wujud. Matcha merupakan teh hijau asal Jepun yang digiling halus sehingga menjadi serbuk. Matcha tidak seperti teh hijau biasa yang dibancuh bersama air panas dan kemudian ditapis tetapi Matcha diminum dengan mencampurkan serbuk teh terus ke dalam air membuat ia lebih kaya akan antioksidan, vitamin dan mineral.

Matcha bukan sahaja lazat sebagai minuman, malah ia juga digunakan untuk pelbagai bahan makanan seperti kek, biskut dan aiskrim. Sudah menjadi trend sekarang, ramai yang suka mencuba pelbagai resipi minuman baharu dan salah satunya adalah minuman yang diperbuat dari Matcha.

Apabila populariti Matcha semakin meningkat, barista dan penggemar masakan terus berinovasi dalam mencipta variasi minuman menggunakan Matcha. Bermula daripada latte Matcha klasik yang dicampur dengan susu kepada ciptaan yang lebih unik seperti Matcha dengan tambahan sirap strawberi atau Matcha dengan jus buah segar. Matcha latte juga boleh disajikan panas atau sejuk dan telah menjadi menu kegemaran di pelbagai kafe. Terdapat juga sebahagian orang menggunakan matcha pada makanan seperti Matcha Cookies, Matcha Macarons, Matcha Mochi, Mooncake Matcha, Aiskrim Matcha dan sebagainya. Ada juga sesetengah cef yang telah menciptakan

pasta berwarna hijau dengan menggunakan Matcha.

Selain itu, Matcha juga sering diolah menjadi pelbagai jenis minuman seperti latte, frappuccino dan juga smoothie yang menambah lagi daya tarikannya dalam kalangan golongan muda dan penggemar kopi. Banyak kita lihat sekarang, pengusaha kafe yang telah menawarkan menu minuman Matcha sebagai ganti untuk mereka yang tidak minum kop.

Trend minuman Matcha bukan sahaja membuka jalan kepada inovasi masakan tetapi juga mewujudkan peluang perniagaan yang signifikan dalam pasaran global. Permintaan untuk produk berdasarkan Matcha terus meningkat, menggalakkan banyak syarikat dan usahawan untuk terlibat dalam industri ini. Daripada pembekal bahan mentah Matcha organik kepada pengeluar minuman sedia untuk diminum dan kafe khusus, terdapat banyak segmen pasaran untuk diterokai.

Di negara barat, populariti Matcha telah memberi inspirasi kepada kemunculan kafe khusus yang menekankan minuman dan makanan berdasarkan matcha. Kafe-afe ini bukan sahaja menawarkan minuman Matcha tetapi juga pelbagai jenis kek dan makanan ringan yang digabungkan dengan serbuk Matcha seperti brownies, aiskrim dan roti.


Walau bagaimanapun, industri Matcha

juga menghadapi cabarannya sendiri. Salah satu cabaran utama ialah isu kualiti dan ketulenan. Banyak produk Matcha yang dipasarkan mungkin dilihat tulen tetapi hakikatnya ada produk yang sudah dicampur dengan bahan lain. Biasanya, Matcha asli dan berkualiti tinggi dijual dengan harga yang mahal dan kebanyakannya berasal dari Jepun. Banyak produk yang murah itu juga mungkin tidak memenuhi standard Matcha yang asli.

Selain itu, Matcha juga perlu disimpan dengan betul untuk mengekalkan kesegarannya. Ramai pengguna tidak tahu cara mengenal pasti Matcha yang berkualiti

dan ini menyebabkan pembelian produk yang tidak memuaskan. Oleh itu, penting bagi seseorang itu membeli produk Matcha ini daripada penjual yang dipercayai dan melakukan penyelidikan sebelum membuat pembelian.

Disebabkan popularitinya yang semakin meningkat, banyak produk Matcha di pasaran tidak memenuhi standard kualiti tinggi yang diharapkan, terutamanya Matcha yang dihasilkan di luar Jepun. Adalah penting bagi pengguna untuk memastikan bahawa mereka membeli Matcha daripada sumber yang dipercayai untuk mendapatkan manfaat kesihatan yang maksimum.



## Berhati-hati dengan konten ‘deepfakes’, jangan terpedaya

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Ilustrasi OpenAI

**D**EEPFAKES atau pun pemalsuan wajah ialah media sintetik iaitu video, imej atau audio yang dibuat menggunakan Artificial Intelligence (AI) atau pun Kecerdasan Buatan untuk memanipulasi atau menggantikan rupa atau suara seseorang dengan rupa dan suara orang lain. Dengan menganalisis dan mereplikasi ciri muka, corak suara atau pergerakan, deepfakes boleh menampakkan seolah-olah seseorang itu sedang bercakap atau melakukan sesuatu yang tidak pernah mereka lakukan. Deepfakes sering digunakan untuk hiburan dan konten parodi, tetapi ia juga boleh disalahgunakan untuk mencipta maklumat palsu, memperdaya orang ramai atau menyamaran yang boleh mengundang bahaya serta menimbulkan keimbangan mengenai privasi dan keselamatan seseorang individu, penyebaran maklumat salah dan isu-isu berkenaan etika.

Rekaan deepfakes bermula sekitar tahun 2017, apabila video yang menggunakan teknologi *deep learning* ataupun pembelajaran mendalam untuk menukar wajah dengan cara realistik mula didekarkan dalam talian. Istilah deepfakes itu sendiri bermula daripada seorang pengguna Reddit yang menyalahgunakan teknologi pemalsuan wajah untuk menukar wajah selebriti kepada individu lain untuk mencipta kandungan eksplisit. Walaupun teknologi AI asas untuk tujuan memanipulasi imej dan video telah wujud selama bertahun-tahun,

deepfakes mula mendapat perhatian yang ketara kerana penyalahgunaannya. Teknologi deepfakes kini telah berkembang pesat dan penggunaannya bukan sekadar untuk hiburan malahan untuk mencipta video politik palsu, penyamaran selebriti dan manipulasi lain. Penyalahgunaan deepfakes yang semakin berleluasa adalah sangat membimbangkan. Kini kesedaran mengenai penyalahgunaan deepfakes semakin meningkat dan terdapat pelbagai alat dalam talian yang dicipta untuk mengesan deepfakes.

### Bahaya deepfakes

Antara bahaya deepfakes ialah ia boleh membawa kepada penyebaran maklumat palsu dan salah atau maklumat yang telah dimanipulasi. Deepfakes yang tercipta sebagai video atau audio seseorang yang berpengaruh dan dikenali orang ramai akan nampak realistik tetapi sebenarnya adalah palsu. Apabila maklumat salah atau pun telah dimanipulasi kemudian disebarluaskan ini boleh mempengaruhi pendapat umum. Perkara ini boleh memberi impak negatif kepada sebuah negara atau komuniti. Sebagai contoh, wajah dan suara seorang tokoh digunakan untuk menyebarkan atau memanipulasi maklumat boleh membawa kepada fitnah dan mencetuskan kekacauan dan mengganggu ketenteraman awam.

Penjenayah juga boleh menggunakan deepfakes untuk menyamar untuk melakukan penipuan kewangan, seperti memalsukan suara individu yang

mempunyai kuasa untuk membenarkan pemindahan wang yang besar atau mencipta video yang memanipulasi individu untuk memberikan maklumat sensitif. Deepfakes boleh memusnahkan reputasi peribadi dan profesional seseorang dengan mencipta kandungan palsu yang merosakkan imej. Ini amat berbahaya bagi orang yang mempunyai pengaruh seperti selebriti, pemimpin atau sesiapa sahaja di mata umum, tetapi ia juga boleh menjasarkan individu biasa. Satu lagi bahaya deepfakes ialah ia boleh digunakan untuk menghasilkan bahan eksplisit yang palsu, yang membawa kepada pemerasan, gangguan atau trauma psikologi untuk mangsa.

Apabila deepfakes menjadi lebih realistik, ini akan menjadikan orang ramai lebih sukar untuk mempercayai apa yang mereka lihat dan dengar dalam video, yang membawa kepada ketidakpercayaan umum terhadap media. 'Keruntuhan kebenaran' ini boleh menyukarkan untuk membezakan antara kandungan yang sah dan tidak sah. Pada peringkat nasional, deepfakes menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara, kerana ia boleh digunakan untuk mengintip, menyebarkan maklumat palsu dalam konteks politik atau ketenteraan atau bahkan mencipta bukti palsu dalam kes undang-undang, yang berpotensi menghalang keadilan. Apabila teknologi deepfakes berkembang, menanganinya memerlukan langkah balas teknologi dan rangka kerja kawal selia.

### Bagaimana untuk mengesan deepfakes

Pengesan deepfakes boleh menjadi mencabar oleh sebab teknologi yang semakin maju. Akan tetapi terdapat beberapa teknik yang boleh membantu kita mengenal pasti deepfakes. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah memeriksa sama ada visual dan audio konsisten atau tidak. Kemudian, kita juga boleh menggunakan alat dalam talian khusus untuk pengesan deepfakes. Selain itu, kita boleh membuat analisis ke atas tingkah laku subjek atau individu terbabit dalam kandungan deepfakes.

Terdapat beberapa alat yang menggunakan teknologi AI yang boleh digunakan untuk mengesan deepfakes, seperti Deepware Scanner, Microsoft Video Authenticator dan Sensity. Deepware Scanner dan Microsoft Video Authenticator ialah aplikasi mudah alih yang menganalisis video untuk mengesan tanda-tanda pengubahsuaian atau manipulasi audio dan visual manakala Sensity pula ialah perkhidmatan yang digunakan untuk memantau kandungan deepfakes dalam talian. Perisian alat pengesan deepfakes akan mencari anomalai pada tahap piksel yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia dan ia boleh mendedahkan pengubahsuaian seperti pencampuran tekstur kulit yang tidak semula jadi atau pencahayaan yang tidak konsisten.

Kaedah lain yang boleh kita gunakan adalah intuisi kita sendiri iaitu intuisi manusia. Jika seseorang dalam video nampak bertindak dengan cara yang bertentangan dengan tingkah laku atau gaya percakapan biasa mereka, ia mungkin tanda amaran untuk kita berwaspada dan sedar bahawa video atau kandungan yang diterima itu mungkin rekaan deepfakes.

deepfakes, pantulan mata seseorang itu akan mencerminkan persekitaran sekelilingnya. Video deepfakes mungkin tidak akan dapat meniru butiran ini secara terperinci. Bagi analisis audio, suara yang digunakan untuk membuat deepfakes mungkin tidak akan sepadan dengan pergerakan bibir menunjukkan pergerakan bibir tidak serasi dengan sebutan atau suara yang dikeluarkan. Kualiti suara juga boleh mendedahkan deepfakes. Sebagai contoh, kualiti suara yang robotik atau tidak semula jadi biasa digunakan untuk mereka deepfakes.

Terdapat beberapa alat yang menggunakan teknologi AI yang boleh digunakan untuk mengesan deepfakes, seperti Deepware Scanner, Microsoft Video Authenticator dan Sensity. Deepware Scanner dan Microsoft Video Authenticator ialah aplikasi mudah alih yang menganalisis video untuk mengesan tanda-tanda pengubahsuaian atau manipulasi audio dan visual manakala Sensity pula ialah perkhidmatan yang digunakan untuk memantau kandungan deepfakes dalam talian. Perisian alat pengesan deepfakes akan mencari anomalai pada tahap piksel yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia dan ia boleh mendedahkan pengubahsuaian seperti pencampuran tekstur kulit yang tidak semula jadi atau pencahayaan yang tidak konsisten.

Kaedah lain yang boleh kita gunakan adalah intuisi kita sendiri iaitu intuisi manusia. Jika seseorang dalam video nampak bertindak dengan cara yang bertentangan dengan tingkah laku atau gaya percakapan biasa mereka, ia mungkin tanda amaran untuk kita berwaspada dan sedar bahawa video atau kandungan yang diterima itu mungkin rekaan deepfakes.



**ISTANBUL**, 11 Okt. – Lebih 4.2 juta penduduk bukan warga Kesatuan Eropah (EU) kini berada di bawah perlindungan sementara di negara-negara anggotanya, dengan kebanyakannya mereka melarikan diri

## 4.2 JUTA DI BAWAH PERLINDUNGAN SEMENTARA EU, KEBANYAKANNYA LARI DARI PERANG UKRAINE

dari Ukraine, menurut data terkini yang dikeluarkan pada Khamis.

Menurut Eurostat, Jerman mencatat jumlah penerima perlindungan sementara tertinggi, iaitu 1.12 juta orang atau 27 peratus di EU, manakala Poland 975,190 orang dan Czechia dengan 376,885

orang.

Berbanding Julai, peningkatan penerima terbesar berlaku di Jerman, Czechia, dan Romania. Sementara itu, penurunan dilaporkan di Poland, Perancis, dan Luxembourg, lapor Agensi Anadolu.

Pada akhir Ogos, lebih 98.3

peratus mereka yang berada di bawah perlindungan sementara adalah warganegara Ukraine. Sejak operasi ketenteraan Rusia bermula

pada Februari 2022, konflik ini terus menyebabkan penghijrahan besar-besaran ke negara-negara jiran di Eropah. – ©BERNAMA

## Hampir 10 juta paun daging ditarik balik di AS susulan pencemaran

**HOUSTON**, 11 Okt. – Hampir 10 juta paun produk daging dan ayam yang diproses di sebuah kilang di negeri tengah Amerika Syarikat, Oklahoma ditarik balik selepas kemungkinan pencemaran bakteria listeria, yang menyebabkan kematian sekitar 260 orang setiap tahun di AS, lapor media tempatan pada Khamis.

Penarikan balik ini dilakukan oleh syarikat BrucePac. Ia melibatkan 75 produk daging dan ayam yang dihasilkan antara 19 Jun hingga 8 Okt di kemudahan mereka di Durant, Oklahoma, dan diedarkan secara

meluas di seluruh negara, lapor Xinhua. Tarikh luput produk-produk ini adalah antara 19 Jun 2025 hingga 8 Okt 2025.

Awal minggu ini, Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA) mengesan bakteria listeria dalam sampel ayam semasa pemeriksaan rutin dan mengenal pasti ayam sedia untuk dimakan keluaran BrucePac sebagai sumber pencemaran.

"Restoran, institusi, dan tempat-tempat lain digesa agar tidak menghidangkan atau menggunakan produk ini. Produk ini

perlu dibuang atau dipulangkan ke tempat pembelian," menurut kenyataan USDA pada Rabu. Bakteria listeria boleh menyebabkan listeriosis, yang merupakan penyebab kematian ketiga terbesar akibat penyakit bawaan makanan di AS.

Data daripada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit AS menunjukkan bahawa kira-kira 1,600 orang dijangkiti listeria setiap tahun, dengan simptom seperti demam, sakit otot dan keletihan. – ©BERNAMA

## Mesir hadapi tekanan ekonomi akibat ketegangan serantau

**KAHERAH**, 10 Okt. - Mesir sedang menghadapi tekanan ekonomi yang ketara, terutamanya disebabkan oleh konflik serantau yang berterusan, kata Perdana Menteri Mesir, Mostafa Madbouly dalam satu sidang media pada Rabu.

Beliau menegaskan bahawa faktor luaran termasuk ketegangan yang semakin meningkat di rantau ini menyumbang kepada cabaran ekonomi negara, lapor Xinhua.

Madbouly menjelaskan bahawa dalam tempoh seminggu, harga minyak mentah melonjak sebanyak 10 peratus kepada lebih US\$80 setengah akibat ketegangan serantau, meningkatkan lagi tekanan terhadap ekonomi Mesir.

"Kami menghadapi cabaran yang bukan berpunca daripada kami, tetapi kami terpaksa menangani kerana kesan langsung yang dirasai.

"Walaupun berdepan cabaran, kami komited untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan," kata Madbouly, sambil menambah bahawa institusi kewangan antarabangsa kekal optimis terhadap ekonomi Mesir.

Beliau juga berkata bahawa Mesir menjangka menerima pelaburan asing langsung sebanyak US\$675 juta dalam tempoh beberapa minggu akan datang selepas menawarkan lesen 5G kepada pengendali telekomunikasi. – ©BERNAMA

Dalam beberapa kebakaran kebakaran ini, Mesir mengalami kekurangan mata wang asing yang diperlukan untuk import, yang mengakibatkan penurunan nilai mata wang tempatan serta inflasi yang tinggi.

Inflasi mencapai paras tertinggi 38 peratus pada September 2023 sebelum berkurangan secara beransur-ansur kepada 25 peratus pada September 2024.

Selain itu, Mesir menyaksikan lonjakan kewangan selepas menandatangani perjanjian pelaburan bernilai US\$35 bilion dengan Emiriah Arab Bersatu pada Februari untuk membangunkan Ras Al-Hekma, sebuah resort baru di pantai utara Mesir. – ©BERNAMA

## Muzium Hang Tuah guna teknologi AI papar kisah Hang Tuah

**MELAKA**, 9 Okt. – Muzium Hang Tuah yang terletak di Hang Tuah Centre, Duyong di sini, mencipta sejarah sebagai muzium pertama di Malaysia yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk memaparkan kisah Laksamana Hang Tuah.

Kurator Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) Norzaifrah Zaini berkata penggunaan AI dalam imej peragaan interaktif itu dibangunkan oleh konsultan tempatan dan bertujuan menarik pengunjung selepas Muzium Hang Tuah dibuka semula pada 1 Okt lepas.

Beliau berkata pendekatan baru itu dilakukan sebagai satu daripada usaha menambah nilai produk pelancongan negeri berkenaan sekali gus menarik taraf muzium berkenaan yang sebelum ini ditutup selama setahun bagi kerja-kerja berkenaan.

"Menerusi penambahbaikan yang dilakukan ini, lebih banyak penggunaan AI dalam imej peragaan interaktif dipaparkan kepada pengunjung untuk menceritakan kisah atau sejarah berkaitan Hang Tuah."

"Pendekatan ini memberi pengalaman lebih menarik kepada pengunjung untuk mengetahui

lebih mendalam mengenai Hang Tuah sekali gus mengelakkan pengunjung turut berpeluang menyaksikan teater berkaitan pelayaran Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka di teater mini yang dipaparkan pada slaid video selama kira-kira tiga minit.

Norzaifrah berkata selain kerja-kerja menarik taraf muzium berkenaan yang juga dikenali sebagai Rumah Hang Tuah, ia turut melibatkan empat lagi rumah sahabat pahlawan berkenaan iaitu Rumah Hang Jebat, Rumah Hang Kasturi, Rumah Hang Lekir dan Rumah Hang Lekiu.

Menurutnya kawasan sekitar Hang Tuah Centre, turut dinaiki

taraf khususnya melibatkan aspek landskap termasuk membangunkan beberapa monumen gergasi berkaitan Melaka seperti tangga rumah Melaka, keris dan buaian.

Muzium Hang Tuah dibuka setiap hari kecuali Isnin bermula 9 pagi hingga 5 petang dan tiket masuk adalah sebanyak RM10 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak lima hingga 12 tahun.

Sebelum ini, media melaporkan Hang Tuah Centre termasuk Muzium Hang Tuah ditutup selama setahun bagi kerja-kerja menaik taraf melibatkan peruntukan lebih RM3.81 juta yang disalurkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Selain itu, beliau berkata persatuan silat yang berminat untuk mengadakan latihan pada waktu malam di gelanggang yang terdapat di Hang Tuah Centre juga dialu-alukan.

"Di Hang Tuah Centre, kami juga menyediakan auditorium untuk aktiviti seminar, bengkel, atau taklimat, selain menawarkan seawa tapak bagi penganjuran majlis perkahwinan," tambahnya. – ©BERNAMA

## WFP beri amaran ancaman kebuluran di Gaza menjelang musim sejuk

**LONDON**, 11 Okt. – Program Makanan Sedunia (WFP) pada Khamis memberi amaran bahawa ancaman kebuluran masih berterusan di Gaza di tengah-tengah penderitaan rakyatnya.

"Dengan tiba musim sejuk, setiap hari adalah perjuangan untuk bertahan hidup. Kelaparan terus merebak dan ancaman kebuluran tetap wujud," kata agensi PBB itu menerusi hantaran di X. WFP menyuarakan kebimbangan bahawa usaha untuk membawa masuk bekalan penting menghadapi cabaran yang semakin meningkat dan menyeru agar situasi ini dihentikan. Awal minggu ini, WFP memberi amaran bahawa satu juta orang berisiko hilang sokongan penting sekiranya aliran bantuan tidak disambung semula.

"Bantuan yang memasuki Semenanjung Gaza merosot ke paras terendah dalam beberapa bulan, memaksa WFP menghentikan pengagihan bungkus makanan pada Oktober," kata WFP dalam satu kenyataan.

WFP memaklumkan terdapat kira-kira 100,000 tan makanan ditempatkan di pelbagai koridor -- Jordan, Ashdod dan Mesir -- yang mencukupi untuk memberi makan lebih sejuta orang selama lima bulan, namun penutupan di pintu masuk lintasan, isu keselamatan dan gangguan laluan di pintu masuk mengehadkan penghantaran bantuan.

"Dengan musim sejuk semakin menghampiri, dan setelah melalui satu tahun konflik, penduduk Gaza mendapat diri mereka tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi, tanpa bahan api dan dengan bantuan yang sangat terhad," menurut kenyataan itu.

WFP turut menyuarakan "kebimbangan mendalam" mengenai perkembangan semasa di Tebing Barat, memandangkan situasi di sana semakin meruncing dan tidak menentu. "Operasi ketenteraan berskala besar Israel, sekatan pergerakan dan peningkatan keganasan oleh pendatang Yahudi menyumbang kepada peningkatan kelaparan," menurut WFP.

Israel terus melancarkan serangan ganas di Gaza sejak 7 Okt tahun lalu, walaupun terdapat resolusi Majlis Keselamatan PBB yang menyeru gencatan senjata serta-merta. Lebih 42,000 orang terbunuh sejak itu, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, dan lebih 97,700 cedera, menurut pihak berkusa kesihatan tempatan. Serangan besar-besaran oleh Israel menyebabkan hampir keseluruhan penduduk Semenanjung Gaza hilang tempat tinggal, di tengah-tengah sekatan berterusan yang menyebabkan kekurangan makanan, air bersih dan ubat-ubatan. Israel kini berdepan kes genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa berhubung tindakannya di Gaza. – ©BERNAMA

## New Zealand siasat insiden karam kapal tentera laut di Samoa

**WELLINGTON**, 10 Okt. - Angkatan Pertahanan New Zealand (NZDF) pada Khamis mengumumkan butiran mengenai Siasatan Mahkamah (COI) berhubung insiden kapal tentera laut yang karam berhampiran pantai selatan Upolu di Samoa, lapor Xinhua.

Kapal HMNZS Manawanui, dengan muatan 5,741 tan melanggar terumbu dan terkandas di perairan Samoa pada Sabtu lalu semasa menjalankan tinjauan hidrografi, kira-kira satu batu nautika dari pantai.

Kesemua 75 anak kapal berjaya diselamatkan.

COI yang akan bersidang pada Jumaat akan mengumpul dan merekodkan bukti serta melaporkan urutan peristiwa itu. Ia juga akan memberikan butiran mengenai prosedur pemberitahuan, kecederaan yang dialami dan sebarang kerosakan alam sekitar, menurut kenyataan NZDF.

Dibina pada 2003, kapal sepanjang 84.7 meter dan lebar 18 meter itu berkhidmat dengan Tentera Laut Diraja New Zealand sejak 2019.

Kapal ini digunakan untuk misi menyelam khusus, penyelamatan, serta tinjauan hidrografi di sekitar New Zealand dan di Lautan Pasifik Barat Daya.

Ia juga boleh menyokong misi untuk membersihkan sisa letupan perang di Pasifik Selatan, menurut NZDF. - ©BERNAMA

## Keuntungan operasi LG Electronics susut dua digit pada suku ketiga

**SEOUL**, 9 Okt. - Gergasi teknologi Korea Selatan, LG Electronics, mencatatkan penurunan keuntungan operasi dua digit pada suku ketiga berikut kos logistik dan pemasaran yang lebih tinggi, kata syarikat itu pada Selasa, lapor Xinhua.

Keuntungan operasi awal turun 20.9 peratus daripada setahun sebelumnya kepada 751.1 bilion won (US\$556.8 juta) dalam tempoh Julai-September, lebih rendah daripada jangkaan pasaran sekitar 970 bilion won (US\$719.1 juta).

Pengurangan dua digit ditimbulkan oleh peningkatan perbelanjaan pemasaran dan kenaikan kadar tambang laut.

Pendapatan awal meningkat 10.7 peratus kepada 22.18 trilion won (US\$16.4 bilion) dalam suku yang sama, meneruskan pertumbuhan untuk empat suku berturut-turut.

Peningkatan pendapatan itu dikaitkan dengan usaha syarikat untuk menaik taraf portfolio perniagaan melalui perubahan dalam model perniagaan dan pengukuhan operasi perniagaan-ke-perniagaan.

Pendapatan bersih dan butiran terperinci bagi setiap unit perniagaan akan diumumkan akhir bulan ini. - ©BERNAMA

# BEFL 2024/25 gelanggang lahirkan pemain hebat



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jawatankuasa BEFL 2024/2025

**P**ERKEMBANGAN sukan futsal di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini sememangnya memberangsangkan dengan semakin banyaknya gelanggang-gelanggang futsal dibina di seluruh negara. Ini adalah impak yang signifikan daripada sukan futsal ini yang semakin diminati ramai tidak kira peringkat umur.

Sukan yang diberi oleh lima pemain sepasukan ini dengan tempoh masa bermain secara rasminya adalah 40 minit iaitu 20 minit setiap separuh masa sememangnya mencabar fizikal dan tenaga pemain kerana sukan futsal ini memiliki tempo yang sangat cepat dan *decision making* yang perlu pantas dan cerdas meskipun beraksi dalam

gelanggang yang kecil berbanding bola sepak di padang.

Dalam pada itu juga, sukan futsal ini memerlukan semangat kerjasama sepasukan yang tinggi dengan memiliki matlamat pasukan yang sama supaya strategi permainan membawa hasil.

Pembangunan sukan futsal di NBD begitu signifikan dengan tertubuhnya Kejohanan Liga Futsal Brunei yang kini kembali dengan menampilkan format baharu yang lebih menarik dan memberikan cabaran kepada setiap pasukan.

Liga futsal pada kali ini dibahagikan kepada dua iaitu Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25, Divisyen 1 dan Brunei Premier Futsal League (BPFL) bagi Division 2.

BEFL 2024/25, Divisyen 1 telah dirasmikan baru-baru ini yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB).

Kejohanan ini merupakan anjuran Yakin Football League yang ditaja oleh HiTUNE Group of Companies dan disokong oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Perasmian BEFL 2024/25 telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

BEFL 2024/25, Divisyen 1 pada kali ini menampilkan lapan pasukan terbaik yang akan memburu kejuaraan berprestij ini. Pasukan-pasukan yang bersaing itu adalah Kasuka Ar Rawda, MS

ABDB, Almerez HiTUNE FC, Kota Ranger FC, Shah Utd, Arbisyam FC, DDT FT dan Kampung Buangkok FC dari Singapura.

Pada perlawanan pertama yang berlangsung pada 5 Oktober lalu menyaksikan Pasukan Kasuka Ar Rawda FC memulakan aksi cemerlang dengan menewaskan pasukan dari Singapura, Kampung Buangkok FC dengan keputusan 7 - 2.

Tujuh gol Kasuka Ar Rawda FC adalah hasil jaringan daripada Reza Tolouei dan Mohammad Reza Rahmania yang masing-masing menjaringkan dua gol pada perlawanan berkenaan, manakala Abu Suffian bin Haji Adanan, Abdul Azim bin Boll Hassan dan Habibi bin Sulan masing-masing menjaringkan sebiji gol.

Sementara itu, dua gol dari Kampung Buangkok FC pula dijaringkan oleh Bambang Bayu Saptaji dan Razaki bin Abdul.

Pasukan Kasuka Ar Rawda kini dalam misi mempertahankan gelaran juara selepas merangkul kejuaraan pada Liga Futsal Brunei 2023 selepas menewaskan MS ABDB 5 - 4 dalam perlawanan yang penuh debaran dan dramatik.

Pasukan yang turut menjadi tumpuan pada edisi kali ini ialah pasukan Almerez HiTUNE FC yang menampilkan barisan pemain-pemain muda dan juga yang berpengalaman.

Dengan format kejohanan liga pada edisi kali ini berlainan dari musim sebelumnya, saingan BEFL dan BPFL akan diadakan sehingga Jun 2025 dan perlawanan-perlawanannya akan diadakan di dua tempat iaitu di Dewan Serbaguna, KSNHB; dan Osca Sdn. Bhd. Indoor Futsal Court, Universiti Brunei Darussalam. Orang ramai terutama sekali peminat berkenaan dialu-alukan hadir beramai-ramai memberikan sokongan kepada para pemain.





ePaper Pelita Brunei



## 4 PASUKAN TEMPAT SLOT SUKU AKHIR

**Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian**

**BERAKAS**, Rabu, 9 Oktober. - Empat pasukan Kategori Veteran Kumpulan 'A' lebih awal mengesahkan kemaraan ke peringkat suku akhir pada Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31.

Perlawanan peringkat kumpulan berlangsung kelmarin di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang memenangi empat perlawanan dan sekali seri mengungguli puncak kumpulan sementara Pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menduduki tempat kedua.

Sementara itu, Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kesihatan (MOH) masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat untuk mengiringi dua kumpulan teratas dalam Kumpulan 'A' melangkah ke suku akhir kejohanan.

Persaingan Kategori Veteran dibahagikan kepada dua kumpulan dengan penyertaan 11 buah pasukan dan persaingan dan kehebatan pasukan-pasukan dalam Kumpulan 'B' akan teruji pada perlawanan yang dijadualkan pada 15 Oktober ini.

Pasukan-pasukan dalam Kumpulan 'B' melibatkan Kementerian Pembangunan (MOD); Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT); Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Kementerian Pertahanan (MINDEF); Kementerian Pendidikan (MOE).

Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena HPA Ke-31, Tahun 2024 dihasratkan untuk meningkatkan potensi pemain dan mencungkil bakat pemain serta mengeratkan lagi hubungan muhibah dan mesra dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam. Kejohanan tahun ini dianjurkan oleh KHEDN.



ANTARA aksi pasukan yang bertanding pada Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31.

## Platform mempromosi aktiviti sukan kepada pelajar berkeperluan khas

**BENGKURONG**, Jumaat, 11 Oktober. - Lebih daripada 120 pelajar berkeperluan khas pagi tadi mengikuti aktiviti sukan Little Champions Day anjuran pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) dan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang berlangsung di Pusat Ehsan, di sini.

Hadir ialah Ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Audrey Choo Wah; dan Pemangku Pengetua Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Ashley Khoo.

Pada program berkenaan, para pelajar berpeluang untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti seperti lumba guni,

lumba bola di atas sudu dan permainan *hula hoop*, yang direka sesuai dengan kemampuan mereka.

Acara berkenaan bukan sahaja menyediakan suasana yang gembira dan menyeronokkan, malah turut memupuk kerjasama, kreativiti dan kesejahteraan fizikal dalam kalangan pelajar.

Sebagai penghargaan atas penyertaan mereka, setiap pelajar diberikan hadiah dan keperluan sekolah, mengukuhkan mesej acara berkenaan bahawa semua orang adalah pemenang.

Kejayaan Little Champions Day berkenaan mengukuhkan lagi hubungan komuniti dan menekankan peranan penting amalan inklusif dalam pendidikan. Pihak pengajur juga



SESI bergambar ramai pada Little Champions Day anjuran pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) dan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang berlangsung di Pusat Ehsan.

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

menyampaikan rasa terima kasih yang mendalam kepada semua penaja, termasuk Sorriso Restaurant and Pizzeria, Aewon, The Lanes Hotel, Welflex Engineering, Farmgate Trading, Linktech, ANTÀ, ALVO, Samima, BUE Brunei, SEHAT, Rahul Sports, dan Project PrintHub.

Sumbangan dermawan mereka memainkan peranan penting dalam menjayakan acara berkenaan di samping memberikan pengalaman yang bermakna dan berkesan untuk semua yang terlibat.

Wakil kumpulan pengajur dari UBD,

Dayangku Nur Hayati Amali binti Pengiran Haji Omar Ali dalam ucapannya menjelaskan acara berkenaan bukan sahaja meraikan para pelajar melalui keseronokan bersukan, bahkan ia bertindak sebagai platform untuk mempromosi sekolah baru bagi pelajar berkeperluan khas, dan mereka berhak untuk mendapatkan pendidikan berkualiti.

"Kami berharap agar dapat menyebarkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan inklusif dan mencipta kenangan manis untuk kanak-kanak ini," ujarnya.

## Tahukah Awda

**S**AMBUTAN Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (BSB) disambut pada 4 Oktober setiap tahun sebagai mengenang jasa Al-Marhum Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memajukan dan memodenkan Negara Brunei Darussalam. Kawasan perbandaran BSB telah diperluaskan daripada 1,287 hektar (12.87 kilometer persegi) kepada 10,036.24 hektar (100.36 kilometer persegi) bermula pada 1 Ogos 2007. Peluasan perbandaran ibu kota telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah diumumkan secara rasminya oleh KHEDN pada 19 Julai 2007.

**SUMBER :** Pelita Brunei edisi Rabu 2023

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MENJADI INSAN YANG SENTIASA MENGINGATI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA